صوت الأرقم

SHOUTUL ARQAM

كريسيس دان جالن ڤپلساينڽ

KRISIS DAN JALAN PENYELESAIANNYA

OLEH USTAZ HJ. ASHAARI MUHAMMAD



صوت الارقم
SHOUTUL ARQAM

كريسيس دان جالن ڤڽلسايڽ

KRISIS DAN JALAN NYELESAIANNYA

AL ARQAM الارقم ڤنرڠن
PENERANGAN AL ARQAM

Cetakan Pertama Ogos 1987
Cetakan Kedua Oktober 1987

Kulit: Rosdin Sadin
Layout: Pusat Komputer, Penefangan Al Arqam

Dilerbitkan Oleh:
Penerangan Al Arqam,
Sg. Penchala, Jln. Damansara,
60000 Kuala Lumpur.
Tel: 7187820.

Dicetak Oleh:



No. 98. Jalan Radin Anum 1. Bandar Baru Sri Peta
57000 Kuala Lumpur. 'Tel: 9583999

KANDUNGAN

PRAKATA

PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من
يهدى الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادى له
والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه
ومن تبعه ووالاه .

CUBA bayangkan keadaan kalau dua orang guru bergaduh di tengah padang. Tentu anak murid dan kakitangan sekolah akan berkerumun untuk tengok. Murid-murid akan kucar-kacir. Ada yang ketakutan. Ada yang berlompatan. Ada yang terpekik terlolong. Yang nakal pula ambil kesempatan usik kawan atau curi barang. Yang cerdik akan hilang keyakinan pada guru-guru itu.

Dan secara umum murid-murid terbiar dan terdedah pada keadaan yang kucar-kacir dan akhlak liar. Kesan akhimya ialah pihak sekolah akan menanggung berbagai kesan buruk seperti pecah-belah dan lain-lain

Atau cuba bayangkan kalau ibu bapa bergaduh dan bertengkar di depan anak-anak. Kalau anak-anak yang lemah jiwa dia akan jadi kecewa dan penakut. Anak-anak yang agresif akan liar dan suka bergaduh. Anak-anak yang cerdik akan malu dan sedih kerana mempunyai ibu bapa tersebut sekaligus , menghilangkan kepercayaan dan ketaatan pada ibu bapa itu. Hasilnya keluarga itu akan terbarai dan gelap gulita.

Begitulah halnya kalau pemimpin bergaduh di tengah medan kehidupan. Para pengikut diberitahu tentang kejahatan atau kelemahan pemimpin mereka. Maka samada kita sedar atau tidak, mahu atau tidak mahu akan terjadilah keburukan-keburukan sepertimana yang terjadi pada sekolah yang gurunya bergaduh di tengah padang atau keluarga yang ibu bapanya bertengkar di depan anak-anak. Parti politik negara atau badan dakwah atau badan kebajikan yang pemimpinnya bergaduh itu, akan ditimpa beban-beban yang bakal meletakkannya dalam keadaan yang lebih hina dari sebelumnya.

Barangkali mustahil untuk mengelakkan krisis secara total. Sebab sudah menjadi sunnatullah, krisis tidak dapat diclak dan sebagai ujian bagi makhluk yang serba lemah dan hina di dunia ini. Tapi membendungnya tentu boleh diikthiarkan. Sekurang-kurangnya kalau mahu bergaduh juga, cuba secara tertutup. Biar yang tahu itu pihak yang terlibat sahaja. Orang lain tidak payah dilibatkan, yang ramai dikurangkan atau yang besar dikecilkan. Yang

panjang dipendekkan. Maksudnya jangan ajar nrasyarakat meniru pergaduhan dan pecah-belah.

Tapi sudah macam satu kegemaran pula mass-media dan masyarakat kini untuk mendedahkan krisis-krisis yang bcrlaku di kalangan orang kenamaan (pemimpin) terutamanya pada semua orang di seluruh dunia (samada dalam parti atau jemaah Islam atau lain-lain). Dilaga-laga, dihasut, diugut dan dimain-mainkan pemimpin itu di depan pengikut-pengikutnya. Ya, untuk tujuan ‘commercial” memang untung tetapi kerana itu parti atau badan itu akan lumpuh, hut-u-hara dan terkorban. Dan musuh akan ambil kesempatan memainkan lagi akhbar atau orang-orang tertentu . Di sini nyatalah sebahagian besar orang-orang suratkhabar tidak bertanggungjawab terhadap masyarakat dan bangsanya atau ummah lebih-lebih lagi terhadap agamanya.

Untuk dapatkan masyarakat yang aman damai caranya ialah mendidik mereka dengan berita, cerita atau ilmu yang menghala ke situ. Bukan mcmbesarkan berita krisis atau kacau-bilau. Kalau hendak cerita juga biarlah untuk tujuan cari penyelesaian bukan untuk bakar semangat supaya rasa sengketa itu mengalir dalam jiwa rakyat.

Para pemimpin yang terlibat pula sepatutnya memikirkan nasib pengikutnya dan masyarakat lebih dari diri sendiri. Fikirkan apa yang akan jadi pada masyarakat kalau krisis peribadi itu dibesarkan. Kalau hendak puaskan hati sendiri, pantang dicabar kita pun melompat, lepas satu bab, ke satu bab kita layan berpanjanganlah krisis itu. Alhasil pengikut dan masyarakat jadi mangsa. Bak kata pepatah gajah sama gajah berjuang, kancil mati di tengah. Pemimpin yang bijak ialah yang dapat mengawal krisis

masalah akan selesai dengan sendirinya. Tapi teguran itu bukan secara tulis dalam suratkhabar tetapi dengan nasihat, surat atau telefon, secara hati ke hati.

Saya memandang segala krisis yang berlaku pada pemimpin masyarakat Malaysia, sejak akhir-akhir ini dengan kemahuan untuk menyelesaikannya. Sebab, sebagai rakyat Malaysia dan sebagai individu Muslim saya terasa dipertanggungjawabkan untuk memberi saham ke arah membangunkan tamadun manusia di Malaysia. Dan sumbangan yang saya mampu hanya menerbitkan buku kecil ini, membawa "message" untuk sekurang-kurangnya meringankan atau memendekkan krisis dan mengurangkan risiko darinya, sekira ia berlaku lagi.

Usaha-usaha ini juga moga-moga dapat membawa manfaat pada saya, harakah saya serta masyarakat Malaysia umumnya. Dan yang terpenting dari itu ialah agar Allah meredhai dan mengampunkan saya sebab kesalahan-kesalahan yang mungkin berlaku dalam buku ini.

Al Hakir Wal Fakir
- Ashaari Muhammad

MUKADIMAH

DALAM tahun-tahun kebelakangan ini banyak krisis berlaku di negara kita, khususnya antara pemimpin-pemimpjn sesebuah parti politik, badan dakwah dan, badan-badan kebajikan. Masih panas lagi berita tentang kejadian itu dalam ingatan. Dan sekarang (waktu saya menulis) sedang tejadi satu lagi krisis besaran antara pemimpin dalam satu badan politik di negara ini. Saya sendiri pemah diseret sama menyertai kejadian malang ini beberapa bulan sebelum krisis besar ini berlaku.

Oleh kerana kejadian ini menjadi-jadi, lepas satu, satu maka kita tidak boleh membiarkan begitu saja. Kalau kita rasa ini satu yang tidak sihat (penyakit) maka memberi ubatnya adalah wajib bagi kita. Mendiamkan diri melihat kemalangan ini adalah satu kecuaian dan dosa. Sebab kita membiarkan masyarakat dilanda satu lagi malapetaka.

Terjadinya krisis kerana adanya dua pihak yang sama-sama bersalah. Mula-mulanya mungkin satu pihak saja yang bersalah terhadap pihak lain. Mungkin dikata, dituduh dan dihina pihak lain hingga menyebabkan sakit

hati di pihak lain. Maka kalau tidak bijak pihak yang tertuduh itu bertindak balas maka dia pun sudah turut bersalah. Maka terjadilah krisis. Sesuatu krisis walau sampai berbunuh-bunuhan pun, tapi antara dua orang sahaja tidaklah dianggap besar. Yang jadi besar ialah bila satu kumpulan lain berkrisis dengan satu kumpulan lain diambil kesempatan pula oleh kumpulan lain atau oleh masyarakat yang tidak bertanggungjawab atau wartawan untuk melariskan tulisan mereka. Maka waktu itu walaupun perkaranya kecil sahaja tetapi gemanya masya Allah, macam perang besar, tersebar seluruh dunia.

Krisis bukan sahaja berlaku di kalangan orang bodoh tetapi sering berlaku antara cerdik pandai. Tidak juga di kalangan orang bawahan tapi juga terkena pada orang-orang atasan dan berjawatan tinggi. Pun bukan saja kena pada orang miskin bahkan orang kaya lagi kerap berkrisis sesamanya. Bukan saja orang jahil tetapi ulama pun berkrisis.Malahan sebenamya krisis agak kurang dalam masyarakat taraf kehidupan rendah sebab tiada apa yang hendak direbutkan. Sebaliknya orang-orang yang berpangkat, yang ada tempat di tengah masyarakat yang kaya raya dan cerdiklah yang sering berkrisis kerana perbalahan harta benda, kedudukan dan kebolehan.

Selalunya bila seseorang atau satu kumpulan merasa tercabar oleh seorang yang lain atau satu kumpulan kerana kelebihan dari segi kebolehan, harta benda atau kedudukan, pengaruh dalam masyarakat maka akan timbullah dalam dirinya rasa tidak senang atau buruk sangka. Bagi orang Mukmin, yang redha dengan Allah dia faham bahawa yang menaik dan menurunkan sesiapa dari hamba-Nya adalah Allah, maka perasaan itu tidak dilayan. Kerana dia ingat firman Allah:

وَلَا يَصُدَّنَّكُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Ertinya:

"Dan janganlah kamu sekali-kali dipalingkan oleh syaitan, sesungguhnya syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata."

- Az Zukhruf: 62

Dan firman-Nya lagi:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Ertinya:

"Sesungguhnya nafsu itu sangat mengajak kepada kejahatan."

- *Yusuf: 53*

Tapi bagi yang tidak ada ilmu tentang tipu helah ini maka dia mengikut nasihat nafsu dan syaitan. Dia pun cari jalan untuk memuaskan rasanya yakni untuk menjatuhkan kawan. Tentang ini pun ada contoh di dalam Al Quran. Allah ceritakan bagimana Qabil tidak senang hati dengan Habil sebab isteri Habil lebih cantik dari isterinya, maka dengan penuh hasad dengki Qabil pun membunuh Habil. [Lihat surah Al Baqarah]. Begitu juga cerita iblis kerana sombong dengan Nabi Adam, langsung menderhaka dengan Allah yakni tidak mahu sujud pada Nabi Adam. Mungkin ada orang berkata, "Kalau anak Nabi Adam pun berbunuh-bunuhan, apalagi kita yang j ahil-j ahil ini."

Sebenarnya kejadian itu berlaku hanyalah sebagai sebab untuk Allah S.W.T menunjukkan jalan keluar dari masalah itu. Samalah juga dengan krisis dalam rumahtangga Rasulullah S.A.W sebenamya sebagai sebab untuk Allah contohkan cara penyelesaian kepada manusia sekiranya berlaku masalah yang sama pada mereka. Qabil dan isteri-isteri Rasulullah selepas kejadian itu menyesal yang teramat sangat (ertinya mereka bertaubat) dan sejak itu tidak berlaku lagi kejadian itu untuk kali keduanya.

Rasulullah bersabda:

كل ذى نعمة محسود

Ertinya:
"Setiap nikmat itu adalah dihasad (didengki)."

Jadi, sesuatu krisis sebenamya bukan berpunca dari faktor-faktor luaran saja seperti kesilapan teknik dan lain-lain tapi lebih berpunca dari jiwa yang tidak sihat. Bila hati sakit, waktu i'tu manusia tidak normal lagi. Mereka boleh tuduh menuduh, hina menghina, hasut menghasut dan mungkin berbunuhan.

Hal ini bcrleluasa dalam masyarkat manusia kini. Krisis yang terjadi dalam mana-mana badan pertubuhan juga samada di kalangan pucuk pimpinan atau pengikut hampir semuanya berpunca dari hati yang tidak sihat (ber-penyakit). Bila tengok orang lain senang, dia tidak senang. Bila orang lain kaya dia menderita. Bila orang naik pangkat dia rasa terseksa. Bila orang lain dapat kejayaan dia rasa sempit dada. Bila orang lain disanjung dia sakit jamung. Bila orang lain lebih dia rasa sakit jiwa. Bila

orang ada pengikut dia semput. Bilakah dia bahagia? Iaitu bila orang lain berada dalam kesusahan dan kemalangan.

Itulah ciri-ciri pesakit jiwa mengikut kaedah tasawuf. Orang begini, sekalipun syariatnya sudah lengkap, sembahyangnya tidak tinggal dan lain-lain tapi dia masih berdosa dengan dosa batin. Dia ialah Mukmin yang 'asi. Bagi orang-orang yang sihat dan selamat hatinya, mereka akan turut senang atau sekurang-kurangnya redha dengan kesenangan, kejayaan atau kelebihan yang didapati oleh orang lain. Sebab mereka sedar itu adalah pemberian Allah. Dia berpuashati dan yakin dengan keadilan Allah. Dia takut untuk hasad dengki, sebab orang yang hasad dengki sembahyangnya tidak sampai pada Allah.

Biasanya orang-orang yang ada penyakit dalam hatinya mereka tidak tahu atau bust-buat tidak tahu akan hal kesakitannya itu. .Mereka akan cari alasan yang boleh melogikkan tindakan mereka itu sekaligus menutup pekung' sendiri. Contohnya si A dengki pada si B kerana lulus periksa sedangkan si A tidak lulus Dengki itu yang membuatkan dia rasa benci dengan si' B dan ingin menjatuhkan si B. Maka dicarinya kesalahan-kesalahan si B kalau ada (dan kalau tiada, diada-adakannya) untuk dicanangkan pada orang lain supaya orang lain turut benci pada si B. Mungkin dikatakan si B meniru, diskriminasi guru dan lain-lain fitnah. Paling tidak dia katakan, "Saya kalau sungguh-sungguh boleh naik juga." Atau "Saya tak pandai ambil hati guru." Dia tidak akan kata isi hatinya, yakni dia dengki dengan si B sebab lulus periksa.

Ketika menghantar Nabi Adam A.S ke bumi, 'Allah S.W.T berpesan:

قُلْنَا ٱهْبِطُوا۟ مِنْهَا جَمِيعًا فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّى هُدًى
فَمَن تَبِعَ هُدَاىَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Ertinya:

"Turunlah kamu dari syurga itu! Kemudian jika datang petunjuk-Ku kepadamu, maka barangsiapa yang mengikuti petunjuk-Ku, nescaya tidak ada kekhuatiran atas mereka, dan tidak pula bersedih hati."

Al Baqarah: 38

Untuk itu Allah utuskan pada kita Rasul-Nya untuk mendidik dan memandu kita supaya selamat dari nafsu dan syaitan. Maka pendidikan yang menonjol oleh Nabi dalam usaha hendak menyelamatkan manusia bukanlah dalam ilmu hisab, sains teknologi,. pentadbiran dan seumpamanya tapi adalah mendidik hati supaya berakhlak. Firman Allah:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِى رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Ertinya:

"Sesungguhnya engkau pada Rasulullah itu adalah ikutan yang paling baik."

Al Ahzab: 21

Kemudian firman-Nya lagi:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Ertinya:

"Sesungguhnya engkau Muhammad mempunyai akhlak yang agung."

Al Qalam: 4

Rasul didik para sahabat supaya beriman, taat, patuh, berkasih sayang, pemurah, baik sangka, berkorban, berjihad, maaf bermaafan, buat baik pada orang yang berbuat jahat padanya, yang scnang tolong yang susah, yang susah jangan meminta-minta, jangan sombong, jangan rasa putus asa, kebaikan sama-sama ditegakkan, kejahatan sama-sama ditumpaskan dan lain-lain sifat mahmudah. Maka lahirlah generasi salafus soleh yang aman damai dan sunyi dari maksiat dan mungkar. Bukan saja pengikut tidak lawan ketua, anak-anak taat, murid-murid tidak cabar guru, malah waktu itu umat Islam sanggup berlapar kcrana mengcnyangkan saudaranya, orang miskin bangga ada saudaranya kaya.

Apa yang kurang pada kita sekarang ialah akhlak mulia dari jiwa taqwa. Bila itu tidak ada maka dunia tidak akan aman. Krisis tidak dapat dikawal dan manusia hidup dalam ketegangan dan kegelisahan. Bila ini berlaku maka terjadilah apa yang terjadi sckarang, krisis tidak habis-habis.



1.
KRISIS DEMI KRISIS

HAMPIR scmua badan dan pertubuhan politik, dakwah dan kebajikan di negara kita waktu akhir-akhir ini ditimpa krisis atau masalah besar-besaran hingga jadi isu negara dan mcndapat liputan akhbar besar-besaran.

Krisis pcmah berlaku dalam PAS kemudian bcrlaku lagi dalam ABIM kemudian diikuti oleh Darul Arqam dan sekarang UMNO sendiri, sebagai parti kerajaan sedang dilanda krisis. Yang anehnya kejadian malang itu lebih kurang satu bentuk saja antara satu badan dengan badan yang lain. Iaitu berlaku perselisihan pcndapat antara presiden dan timbalannya atau terjadi di kalangan pemimpin. Dengan kejadian ini, saudara Anwar Ibrahim meninggalkan ABIM masuk UMNO. Datuk Asri lari dari PAS menubuhkan HAMIM, Ustaz Mokhtar Yaakub dari Darul Arqam masuk TABLIGH dan jadi guru ta'mir di Jabatan Agama Negeri Pahang, (rancangan menubuhkan jemaah baru di Kampung Kelat Rendang, Pekan, terbubar bcgitu saja). Datuk Musa mcngosongkan kerusi TPM. Datuk Mohd. Nasir keluar PAS menubuhkan BERJASA,

Ustaz Hassan Adli dipecat dari PAS jadi calon barisan Nasional. Kemudian jadi Duta ke Kaherah. Ustaz Amaludin Darus pemah dipecat dari PAS, kemudian menghabiskan masa bemiaga dan mengarang buku. Ustaz Abu Bakar Hamzah juga dipecat dari PAS kemudian menyambung pelajarannya di London. Tapi masuk balik, namun tokoh-tokoh PAS nampaknya terus tidak senang dengan beliau. Datuk Aziz Ishak keluar dari UMNO menubuhkan parti KITA.

Tiada siapa yang mahu berkrisis atau mencari masalah. Tapi tiada siapa juga yang dapat lcpas darinya. Dcmikian lemahnya manusia. Dan dcmikianlah kuasanya Allah S.W.T. Tapi Allah bukan bermaksud untuk mcnganiaya-kan manusia mclalui takdir-Nya itu. Antara tujuan dan hikmah atau kebaikan yang didapati dari krisis itu ialah:

1. Sebagai ujian kc atas pertubuhan itu untuk mcnapis mana ahli yang ikhlas dan mana yang tidak.

2. Pcnghapusan dosa. Sctiap kcsusahan yang ditimpa pada individu atau pcrtubuhan adalah scbagai pcnghapusan dosa. Mungkin dalam hidupnya atau dalam pcrjuangannya ada dosa yang dibuat tcrhadap Allah atau tcrhadap manusia, maka untuk membersihkannya di dunia Allah timpakan kesusahan yang seimbang dcngan dosanya itu. Ini adalah bcrdasarkan sabda rasul yang crtinya:

> *"Tidak ditimpakan kesusahan pada anak Adam walaupun tikaman duri, melainkan adalah kerana salah satu dari dua tujuan; kerana menghapuskan dosanya yang tidak terhapus melainkan dengan ujian itu. Atau untuk meningkatkan darjatnya di akhirat."*

3. Untuk mendidik rasa sabar, redha dan tawakal pada Allah S.W.T dengan; ujian itu. dan hasilnya ialah meningkatkan darjat di akhirat.

4. Untuk mematangkan kita supaya kita lebih pandai bertindak.

5.. Untuk memisahkan orang cepat berputus asa dan lemah jiwa, yang tidak tahan sabar ,cabaran yang mudah lari meninggalkan jemaah kalau diri terancam.

6. Tapi kalau krisis ditimpakan pada orang yang tidak beriman. maka Allah bermaksud untuk menghina dan mengutuk mereka.

Bagi mereka yang tahu maksud Allah itu, dapatlah mereka hadapi ujian dengan jalan-jalan yang ditunjuk dan dibenarkan oleh syariat Islam. Mereka tidak melatah dan tidak hilang pertimbangan. Mereka tetap berpegang pada firman Allah:

وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَىْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ
ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ

Ertinya:

"Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar." Al Baqarah: 155.

Dan usaha untuk menghadapi ujian dilakukan dengan hikmah dan penuh tawakal. Tapi bagi orang-orang yang tidak faham atau tidak yakin dengan Islam sebagai mampu menyelesaikan semua masalah, maka bila tiba ujian atau kesusahan, mereka mahu segera lepaskan diri dari masalah itu dan ingin pula mengatasinya dengan mudah. Selalunya mereka ambil jalan yang mudah dan cepat, tapi bawa hasil yang mudharat. Terjadi hunt-hara dan kacau bilau dalam masyarakat. Bandingannya ialah seorang yang bcrhadapan dengan gumpalan tali yang kusut kerana mahu cepat mengungkai, dipotong-potongnya tempat yang tersimpul itu. Maka hasilnya ialah tali yang terputus-putus dan langsung tidak boleh digunakan. Walhal kalau dia sabar membuka simpulan itu satu persatu, hari demi hari lama kelamaau dia akan mendapat seutas tali yang panjang, yang banyak gunanya.

Pengalaman kita semua cukup banyak memberitahu bahawa orang-orang jujur, sabar, merendah diri dan bcnar dalam tindakan, orang itulah yang selamat dan bcrjaya. Sebaliknya mereka yang gopoh, sombong dan tamak serta keterlaluan dalam tindakan akan menyesal dan gagal dalam perjuangan mereka. Populamya sekejap saja, selalunya sebelum mati sudah dilupakan orang. Banyak contoh di negeri kita orang-orang yang pemah popular tapi kerana sikap yang gopoh tadi, masyarakat tidak boleh terima, akhimya dilupakan saja. Dicuba juga buat parti lain atau jemaah lain, tapi selalunya hidup segan mati .tak mahu.

Tapi selalunya umat Islam hari ini tidak bijak berhadapan dengan ujian. Mereka menganggap ujian adalah penyeksaan dan kerana itu .mahu segera bebaskan diri darinya. Hingga untuk itu terjadilah ketidak-

seimbangan di mana-mana dan terjadilah pertcmbungan yang membawa krisis demi krisis.

2
punca krisis

SELALUNYA orang menganggap krisis bermula kerana sesuatu isu.' Krisis dalam UMNO katanya berpunca dari isu ketidak-stabilan ekonomi dan politik. Krisis dalam PAS kononnya kerana kepimpinan lama tidak beres. Dalam Arqam bunga-bunga krisis dikatakan pasal Mahdi dan tariqat. Demikian jugalah dalam apa juga pertubuhan, kalau terjadi krisis orang akan berkata puncanya ialah kerana isu-isu lahiriah semata-mata. Kerana itu oratig akan salah menyalahkan dan membesar-besarkan perkara berbangkit dan yang berkai tan dengannya.

Para pemerhati yang barangkali berdukacita dengan kejadian itu turut memberi pandangan dan kritik dengan tujuan untuk meredakan ketegangan. Tetapi kerana mereka juga bersandarkan pada faktor-faktor luaran tadi, maka apa yang berlaku ialah suasana lebih rumit dan kacau-bilau. Kalau asalnya dua pihak yang bergaduh, maka dengan kritik tadi terjadi puak ketiga, keempat dan seterusnya.

Pada saya, punca awal sesuatu krisis bukanlah pada

kesalahan-kesalahan lahiriah semata-mata. Ertinya krisis dalam UMNO sebenarnya bukan fasal kesilapan Dr. Mahathir dalam pentadbiran politik dan ekonomi. Dalam PAS bukan kerana kesilapan pimpinan Datuk Asri. Dalam Darul arqam sebenarnya bukan fasal Mahdi dan tariqat dan begitu JUga dalam lain-lain krisis, bukanlah disebabkan oleh kesilapan-kesilapan teknik dan kelemahan peribadi dalam soal-soal teknikal.

Ibarat seorang doktor berdepan dengan pesakit yang meracau-racau dan bercakap merapu-rapu. Doktor tidak akan kaji mulut pesakit atau peti suaranya sekalipun yang nampak tidak betul ialah mulutnya atau kelajuan suaranya. Yang salah pada pesakit itu ialah sistem urat sarafnya atau ada tekanan pada jiwanya. Maka doktor pun ubatkan jiwa atau urat saraf, maka hasilnya pesakit itu kembali bercakap seperti biasa.

Begitu juga dalam menganalisa sesuatu krisis, kita jangan lihat soal-soal luaran yang mereka kecohkan. Ada faktor batiniah (rohaniah) yang mendorong terjadinya kekecohan itu sebenamya. Dalam sejarah Islam kita boleh tengok bagaimana umat Islam di zaman Rasulullah dan Khulafaur Rasyidin selamat dari krisis walaupun sebab-sebab lahir sangat membolehkan mereka berbuat begitu. Sayidina Khalid Ibnu Walid misalnya pemah dijatuhkan pangkat sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera Islam, sewaktu beliau sedang lincah di medan perang menjadi tentera biasa. Sayidina Umar Ibnu Khattab melakukan begitu dengan tujuan-tujuan pentadbiran yang tertentu, bukanlah dengan tujuan untuk menjatuhkan Sayidina. Khalid Ibnu Walid. Sekalipun tindakan itu berat bagi seorang manusia, tapi'sayidina Khalid tenang sahaja. Dia menerima perintah itu dengan taat, tanpa menunjukkan

sebarang reaksi yang negatif. Beliau terus berperang dengan berani dan gagah. Melihatkan sikapnya yang tidak berubah apa-apa, seorang sahabat bertanya pada Sayidina Khalid, “Tidakkah tindakan Sayidina Umar itu mencacatkan hatimu?’

Jawab Sayidina Khalid, “Aku berjuang bukannya untuk Umar, tapi untuk Allah.”

Lihatlah saudara, betapa hati yang ikhlas menyelamatkan Sayidina Khalid dari menyerang balas dan liar terhadap Sayidina Umar. Bukannya Sayidina Khalid tidak pandai buat helah untuk cabar Sayidina Umar. Bukan tidak ada kelemahan-kelemahan Sayidina Umar dalam pandangan Sayidina khalid sebab seorang yang bukan Nabi memang tidak maasum yakni tidak lepas dari kesalahan dan kesilapan. Tapi hati yang suci menghalang bcliau dari dari kurang ajar dengan ketua. Sayidina Umar adalah ketuanya dan dia wajib taat, sckalipun pcrintah itu menyakitinya. Kalau Sayidina Umar tersilap maka dia maafkan sebab hanya dengan cara itu saja manusia boleh damai.

Kalau orang bersalah pada kita, kita tidak boleh maafkan nanti kalau kita yang bersalah, orang tidak akan memaafkan kita. Apa jadi? tentu krisis memanjang. Sayidina Khalid faham dia sendiri ada kekurangan, jadi pcrlu apa didedahkan kekurangan kawan. Dua kali lima sepuluh. Lima kali dua pun sepuluh.

Sayidina Ali bin Abi Thalib, ketika diadukan padanya konon Sayidina Muawiyah telah mengata-ngatakan beliau, dengan tegas berkata pada tukang adu tersebut, “Lebih baik engkau tutup mulut. Kerana kalau benar pun Muawiyah mengata-ngatakan aku, maka tclah aku maafkan

dia.”

Demikianlah Islam telah memuliakan manusia dengan akhlak yang agung. Islam mendidik jiwa manusia menjadi ikhlas, jujur, berkasih sayang, bermaaf-maafan, pemurah, baik sangka dan lain-lain. Allah S.W.T menggambarkan perihal kehidupan umat Islam dengan firman-Nya.

أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ

Mereka tegas serta keras terhadap orang kafir dan berlemah lembut dengan orang-orang mukmin.”

Al Fath: 29.

Pemah Sayidina Abu Hurairah meminta satu jawatan dari Rasulullah tapi tidak dibenarkan. Dari ini diterima baik oleh Abu Hurairah tanpa menimbulkan apa-apa krisis. Abu Sufian ketua kaum dan pembesar Quraisy di beri penghormatan sebagai orang besar dalam Islam oleh Rasulullah S.A.W. Sekalipun beliau baru saja masuk Islam (yakni sesudah penaklukan Makkah). Sabda Rasulullah S.A.W:

“Siapa masuk Kaabah selamat dan siapa masuk ke rumah Abu Sufian selamat.”

Tindakan Rasulullah tidak menimbulkan apa-apa krisis di kalangan sahabat-sahabat besar, walaupun perkara itu sungguh kontraversi. Itu adalah kerana jiwa yang bersih dan akhlak mulia, yang ada pada sahabat.

Apakah syarat lain untuk membentuk serta membina masyarakat harmoni, kalau bukan dengan akhlak mulia? Dengan Wang manusia makin bertambah rakus. Dengan ilmu manusia tambah sombong. Dengan nama dan pangkat manusia tambah ganas. Tapi dengan akhlak, manusia masing-masing berusaha untuk jadi lebih baik dari orang lain. Sebab itu terjadi satu kisah di medan perang, seorang yang luka parah dan kehausan, waktu hendak menyuapkan, air ke mulutnya tiba-tiba terdengar suara lain' mengerang-ngerang minta air, maka dihulurkan air itu kepada sahabat yang mengerang tadi dengan keadaannya sendiri tiada lagi air. Orang yang kedua juga ketika mahu minum, terdengar orang ketiga mcmerlukan air, dihulurkannya pula air itu hingga dia sendiri tents kehausan. Begitulah hingga air itu akhimya tiada siapa sempat minum sebelum semuanya mati syahid.

Kalau bukan dengan ilmu 'agama yang mendidik manusia jadi beriman, jujur, ikhlas, takut dosa, rindu akhirat, merendah diri, saling kasih mengasihi; mustahil rasanya terjadi kehidupan sebagaimana yang diceritakan tadi. Bukan senang untuk buang sikap tamak, mementingkan diri sendiri, sombong, bakhil, dengki, dendam, jahat sangka, gila dunia, ujub, gopoh gapah dan lain-lain. Walhal dengan sikap inilah iblis tercampak dalam kemurkaan Allah, Qabil membunuh Habil, Firaun ditelan Laut Merah, Qarun di makan bumi dan Abu Lahab tercampak ke. dalam api neraka. Seorang pun tidak selamat selagi ada padanya jiwa yang jahat dan kotor. Firman Allah:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

Ertinya:

"Pada hari itu tidak berguna harta dun anak-anak kecuali mereka yang datang mengadap Allah .dengan membawa hati yang sejahtera."

Asy Syuara: 88,89.

Jelaslah bahawa kejatuhan dan kemusnahan manusia adalah berpunca dari sifat bathin yang tidak bersih. Sifat-sifat ini kalau ada, akan mendorong manusia buat macam-macam kesalahan. Krisis yang berlaku tidak habis-habis sejak akhir-akhir ini adalah kerana tidak bersihnya hati manusia kini. 'Dengan kata lain, krisis atau perpecahan dalam sesebuah badan pertubuhan adalah berpunca dari jiwa ahli-ahli yang tidak bersih (jiwa tidak sufi akibat daripada ilmu Islam yang tidak dihayati dan penerapan nilai-nilai Islam tidak berjalan. Dan bukannya kerana soal-soal teknikal, sebab tiada seorang yang tidak bersalah.

Secara detail saya akan senaraikan bagaimana jiwa yang tidak bersih boleh membawa krisis:

1. Salah Sangka.

Satu sifat bathin yang buruk yang ada pada manusia ialah buruk sangka pada orang lain. Selalunya manusia merasa orang lain bermaksud jahat padanya. Sebab itu kita selalu menyangka jahat atas sikap seseorang terhadap kita. Walhal kalau kita kaji dengan teliti kita akan dapati apa yang kita sangkakan itu meleset sama sekali.

Dalam sesebuah harakah atau parti atau pun badan-badan pertubuhan selalu terjadi sikap salah sangka ini. puncanya mungkin timbul dari arahan:

a. Arahan ketua.

b. Sokongan yang diberikan oleh seseorang kepada seorang yang lain.
c. Nasihat secara umum oleh pemimpin kepada orang bawahan.
d. Pandangan yang diberikan oleh pengikut kepada pemimpin.

Melalui kejadian di ataslah akan terjadinya salah sangka, yakni seseorang merasa sikap orang.lain itu adalah bermaksud tidak baik padanya. Dialah sasaran bagi teguran atau arahan itu. Disangkanya orang itu menjatuh-kannya dan mahu naikkan orangnya saja. Dengan sangkaan-sangkaan yang tidak berasas itu selalunya seseorang itu akan mengambil langkah-langkah menyerang pihak yang disangkakannya. Mungkin ditubuhkan kern baru untuk memburukkan pihak lawan. Maka selalunya terjadilah krisis dan pertarungan. Masing-masing hcndak mempertahankan diri atau puak sendiri. Diada-adakanlah berbagai alasan yang bukan-bukan untuk membenarkan diri di samping menjatuhkan kawan. Begitulah buruknya akibat buruk sangka. Maka berfirman Allah S.W.T:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱجْتَنِبُوا۟ كَثِيرًا مِّنَ ٱلظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ
ٱلظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا۟ وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ
أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ
وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ

Ertinya:

"Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari sangka buruk, sesungguhnya sebahagian buruk sangka itu adalah berdosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah kamu mengumpat sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat Lagi Maha Penyayang."

-Al Hujurat: 12.

2. Sombong Dengan Ilmu (Teori) Masing-Masing.

Semua orang berbangga dengan teori atau pandangan masing-masing. Dan masing-masing berharap biarlah pcndapat atau tcorinya yang ditcrima. Kalau ada orang lain membawa pandangan yang berbeza, biasanya seseorang itu akan rasa tercabar dan enggan mcncrima. Dalam sesebuah pertubuhan biasanya ramai orang yang cerdik atau yang rasa dia cerdik.

Kadang-kadang setengahnya merasa dia lebih bijak dari pemimpin atau ketua atau tok gurunya. Dalam keadaan ini, bila ada sesuatu yang memcrlukan tcori dan tindakan maka ramailah yang mcngcluarkan pendapat dan hujah masing-masing. Jarang berlaku dalam satu-satu pertubuhan, persatuan atau jemaah, pcngikut akan serah saja pada ketuanya untuk dipimpin dan ditadbir. Apa yang berlaku ialah masing-masing mahu tunjuk pandai. Kemudian minta orang lain iktiraf dan terima pandangannya itu.

Kalau ada pencabamya, yakni orang yang menolak pandangannya maka timbullah rasa sombong atau enggan menerima pandangan orang lain. Tidak mahu mengaku kesalahan scndiri dan tidak mahu memaafkan kesalahan orang. Bahkan ambil kesempatan untuk jatuhkan orang, di atas kesilapan tadi. Berusahalah dia mencari orang yang sanggup memihak padanya. Maka terjadilah parti dalam parti atau jemaah dalam jemaah. Kadang-kadang empat, lima "group" dalam satu badan atau pertubuhan. Maka bila ini terjadi, krisis parti tidak dapat dielakkan lagi. Perpecahan bila-bila masa boleh meletus. Dan pertubuhan itu makin menuju kepada kelemahan dan kegagalannya. Atas dasar inilah Allah berkali-kali berpesan:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى
ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ

Ertinya:

"Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul dan pemimpin di kalangan kamu."

- An Nisa: 59.

Dan sabda Rasulullah S.A.W:

لا يدخل الجنة من في قلبه مثقال ذرة من كبر

Ertinya:

"Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya ada sebesar zarah daripada kibir (sombong)."

Bila pengikut boleh taat maka tidak timbullah lagi banyak teori. Semua mengikut arahan atau pendapat yang dikeluarkan oleh ketua atau presiden. Kalau ada pandangan lain dibincangkan bersama dan dicari jalan tengah untuk menyelaraskannya.

3. Hasad Dengki.

Dalam badan manusia ada satu lautan rasa (hati) yang tidak henti-henti bergolak. Seribu satu macam perasaan bermain-main di dalamnya dan bergilir-gilir menguasai suasana. Pergiliran itu berlaku adalah mengikut rentak irama kehidupan lahiriah manusia itu. Kalau bertembung dengan kekejaman, maka hati dikuasai rasa takut. Kalau ditimpa kesusahan hati akan jadi sedih. Kalau dapat kejayaan hati rasa bangga. Kalau jumpa kekasih hati penuh cinta. Demikianlah bila melihat orang lain dapat kesenangan atau kejayaan hati tiba-tiba berubah jadi tidak senang, sakit dan menderita. Itulah perasaan yang dinamakan hasad dengki. Perasaan ini memang ada pada semua orang. Tapi lebih ketara pada orang-orang yang ada kedudukan, bila dia rasa tercabar. Para ulama termasuk orang-orang yang sangat hasad.

Dalam sesebuah harakah atau parti atau badan-badan kebajikan banyaklah kes hasad dengki ini. Bila ada orang yang lebih pandai atau ada tempat dalam parti atau jemaah maka orang-orang lain yang rasa kekurangan akan timbul hasad dengki. Sabda Rasulullah S.A.W :

كل ذى نعمة محسود

Ertinya:

"Tiap-tiup yang punya nikmat itu dihasad."

Kadang-kadang terjadi orang baru dalam parti atau jemaah diberi jawatan penting oleh pucuk pimpinan sebab hebat kebolehannya. Maka anak-anak buah yang sudah lama, berhajat juga untuk dapat tawaran itu sangatlah hasad dengki Hasad dengki membuatkan seseorang pemarah, dendam, degil dan kasar. Maka orang yang dihasad jadi sasarannya. Termasuk juga para simpatinya dan orang yang melantiknya, habis dibenci. Tidak setakat itu sahaja dihasutnya orang-orang lain supaya benci juga pada orang yang dibencinya itu. Dibuatnya kern untuk atur strategi serangan ke atas musuhnya. Macam-macamlah hujah yang muluk-muluk dibuat untuk tutup pekung di dadanya. Diputar-putamya lidah agar lemak dan manis dengan orang supaya orang terpengaruh padanya.

Kalau orang pandai diserang hasad dengki, lagi hebat. Hampir-hampir tidak dikesan, cakapnya itu lahir dari jiwa yang hasad. Cuma satu saja tanda yang tinggal iaitu walau selunak mana pun cakapnya tetap terdapat unsur-unsur menjatuhkan kawan dan mengangkat dirinya.

Kalau pihak yang kena serang turut tidak sabar, melatah juga, tuduh menuduh juga, jawab apa saja fitnah padanya maka untunglah kaki hasad, kata bersahut, gayung bersambut. Waktu itu dia ada alasan untuk menyerang lebih ganas lagi. Maka kian liarlah krisis, lcbih ramai yang tersangkut. Dan musuh boleh rehat sekejap. Ini kcrana usahanya telah disambung oleh orang dalam sendiri. Selalunya surat khabar pun bertambah bilangan cetakan kerana ada isu panas. Orang surat khabar kalau dapat dialatkan musuh lagi cepat bantu merebaknya krisis dan

perpecahan dalam parti atau jemaah berkenaan.

Yang baiknya si hasad usah dilayan. Biar dia masuk gelanggang seorang diri Biar yang ditumbuk hanya angin, nanti dia akan letih sendiri dan tumbang tanpa siapa yang menolak, firman Allah:

مُوتُوا۟ بِغَيْظِكُمْ ۗ

"Matilah kamu dengan kemarahan kamu."

Masyarakat kita patut dididik untuk tahu menilai bahawa seseorang yang suka mengata atau menuduh orang sebenamya seorang yang jahat, yakni kaki umpat. Dia ingat dia dapat menampakkan kejahatan orang lain, tapi sebenamya dia menampakkan kejahatannya scndiri pada orang. Orang akan kata, orang lain (yang diumpat) belum tahu benar jahatnya tapi jahat awak sendiri sudah jelas sekarang. Orang begini jangka pcndek atau panjang pasti terhukum. Firman Allah:

أَمْ حَسِبَ ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ أَن لَّن يُخْرِجَ ٱللَّهُ أَضْغَٰنَهُمْ وَلَوْ نَشَآءُ لَأَرَيْنَٰكَهُمْ فَلَعَرَفْتَهُم بِسِيمَٰهُمْ ۚ وَلَتَعْرِفَنَّهُمْ فِى لَحْنِ ٱلْقَوْلِ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ أَعْمَٰلَكُمْ

Ertinya:

'Atau apakah orang-orang yang ada penyakit dalam hatinya mengira bahawa Allah tidak akan

menampakkan kedengkian mereka? Dan kalau Kami kehendaki, nescaya Kami tunjukkan mereka kepadamu sehingga kamu benar-benar dapat mengenali mereka dari krisis-krisis perkataan mereka dan Allah mengetahui perbuatan-perbuatan kamu."

- Surah Muhammad: 29 - 30.

Mereka akan mengecil-ngecilkan orang lain, suka mencari kesalahan orang lain. Sikap ini akan menimbulkan ketegangan dan kacau bilau dalam parti atau jemaah. Pihak yang kena tekan biasanya tidak berdiam diri pula. Dijawabnya setiap fitnah dan tuduhan hingga terjadilah krisis.

4. Sentimen Puak.

Terjadi juga dalam sesebuah badan pertubuhan rasa sentimen kenegerian atau kawan atau keturunan. Mereka ingin puaknya saja yang naik, orang lain jangan. Maka tentunya sikap ini ditentang oleh puak lain. Maka terjadilah pertarungan. Masing-masing ingin jatuh menjatuhkan. Maka membesarlah krisis.

5. Niat Serong.

Kemasukan ahli dalam sesuatu badan pertubuhan adalah dengan berbagai tujuan. Ada yang bemiat serong, yakni ingin kuasai parti atau jemaah itu. Orang ini ada prinsip dan ideologi sendiri. Tapi kerana tidak mampu membangunkan sendiri maka **dia bertenggek** pada badan lain macam parasit. Digunakan kesempatan untuk besarkan pengaruh dan untuk pesongkan kaedah dan dasar asal kepada apa yang dicita-citakan.

Contoh yang baru terjadi ialah seorang pemimpin tariqat Naqsyabandiah menyelinap masuk ke dalam sebuah jemaah untuk menaqsyabandiahkan jemaah itu. Jenuh dicari kesempatan untuk besarkan pengaruh dan alih haluan perjuangan kepada Naqsyabandiah. Malangnya dia gagal. Maka dengan beberapa kerat pengikut, dia angkat punggung keluar jemaah. Kalau dia diam-diam tentu orang tahu niat awalnya. Tapi kerana hendak lepaskan geram sebab hajat tidak sampai, dia pun bcrbaik-baik dengan orang suratkhabar (yang dimusuhi sebelum itu) agar menyiarkan tuduhan sesat kepada orang yang ingin dijatuhkannya dalam jemaah tersebut.

Rupa-rupanya banyak juga maklumat yang dikumpulkan sebelum dia bertindak; maklumat-maklumat yang agak logik untuk menuduh sesat pada seseorang. Maka suratkhabar yang memang dahaga pada bahan untuk jatuhkan dakwah Islamiah pun bersilat ligat. Nampaklah tidak sabamya puak tersebut untuk lihat jemaah itu hancur. Tapi Allah Taala tidak berkata begitu. Orang yang tidak jujur tidak dapat pembelaan Allah. Sebab itu mereka telah tersungkur (dilupakan orang) di waktu jemaah itu terus hidup subur. Dan banyak lagi contoh-contoh lain berlaku dalam jemaah bagaimana niat serong memungkin-kan kucar-kacir.

6. Makan Upah.

Dalam sesuatu pertubuhan ada ahli yang mata duitan dan ada juga orang yang masuk sesuatu pertubuhan itu kerana diupah. Mereka ini digunakan oleh musuh untuk buat macam-macam helah atau tipu muslihat agar negara / parti / jemaah dakwah itu berkecai. Maka untuk dapat duit, mereka sanggup. Lepas satu, satu kacau-bilau yang



cuba diwujudkan agar tujuan tercapai. Hal inilah kadang-kadang bagi pemimpin yang tidak cekap mengesan, menjadikan punca krisis.

Dengan analisa di atas maka saya ulangkan lagi bahawa terjadinya krisis bukanlah berpunca dari kesilapan-kesilapan teknikal manusia, tapi kerana tidak sucinya jiwa mereka. Tiada siapa yang tidak pemah silap dalam soal teknikal, pentadbiran, ekonomi, kepimpinan, perhubungan dan lain-lain. Maka kalau kesilapan teknikal dikatakan sebab untuk krisis, maka tiap-tiap harilah manusia berkrisis. Malah dunia akan dilanda krisis setiap masa. Dan memang itu pun yang berlaku hari ini. Tapi puncanya bukanlah kerana faktor-faktor luaran tapi adalah kerana hati manusia kini tidak seperti hati para sahabat. Mercka itu sekalipun bertembung dengan berbagai masalah, diuji dengan berbagai penderitaan, tapi kurang sangat krisis. Itu adalah kerana hati yang bersih, yang bertolak ansur, jujur, ikhlas, baik sangka, berkasih sayang, merendah diri dan bantu membantu untuk kebaikan.

Kalau kita berhajat untuk memberhentikan kejadian krisis demi krisis yang melanda umat manusia kini, mahu tidak mahu terpaksalah kita menyucikan hati aeau jiwa kita. Mendidik jiwa yang asalnya liar, penuh kekaratan dan buruk sangka, sombong, hasad dendam, bakhil dan lain-lain memanglah sukar. Tapi tidak mustahil. Sedangkan singa dan harimau pun kalau dididik boleh jinak, inikan pula manusia. Cuma ilmu pendidikan bukannya diimport dari barat, ditulis oleh filosuf-filosuf barat yang semuanya sama-sama manusia biasa macam kita. Seperti kereta tidak boleh baiki kereta, maka demikianlah manusia tentu tidak mampu untuk memperbaiki jiwa manusia. Hanya Allah dan Rasul yang tahu.

Sebab itu dalam usaha hendak mendidik umat, kita kena rujuk pada Al Quran dan Sunnah Rasul, bagaimana baginda boleh jinakkan kesombongan, kedengkian, kedegilan dan kejahatan masyarakat jahiliah di zaman awalnya, hingga kemudian jadi generasi contoh yang dipuji oleh Al Quran. Firman Allah :

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ

Ertinya:

"Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah." Surah Al Imran: 110.

APABILA terjadi krisis maka terjadi jugalah hasil-hasil atau kesan darinya. Kalau yang bcrkrisis itu orang kecil dalam jemaah yang kecil maka kecil sajalah kesannya. Tapi kalau yang berkrisis itu pembesar-pembesar, pemimpin-pemimpin,. ulama-ulama dan cerdik pandai dan melibatkan jemaah yang besar maka huru-hara-lah masyarakat, kedamaian punah, perpaduan hancur dan lumpuhlah jentera pentadbiran negara atau parti dan badan pertubuhan yang terlibat. Sekurang-kurangnya terhentilah aktiviti atau "slow" '-lah aktiviti.

Sebenarnya kalau krisis itu tidak didedahkan pada umum, ridaklah teruk sangat kesannya. Tapi oleh kerana sudah menjadi tradisi manusia kini suka heboh-hebohkan yang mungkar dan maksiat hingga ruang akhbar dan majalah penuh dengan cerita-cerita tersebut maka terjadilah apa-apa yang patut terjadi. Antara kesan-kesan buruk yang ditimbulkan dari krisis-krisis itu ialah:

1. Menebalkan sikap menyangka-nyangka dan buruk sangka dalam setiap diri anggota-anggota parti atau badan

dakwah itu. Ini akan membawa pada rasa sengketa yang kian mcndalam dan tuduh menuduh yang bukan-bukan sebab itu Allah berpesan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱجْتَنِبُوا۟ كَثِيرًا مِّنَ ٱلظَّنِّ إِنَّ
بَعْضَ ٱلظَّنِّ إِثْمٌ ...

Ertinya:

"Wahai orang-orang yang beriman jauhilah kebanyakan dari sangka buruk, sesungguhnya sebahagian dari sangka buruk itu adalah berdosa..."

Al Hujuraat: 12.

2. Bila berkrisis tentulah saling kata-mengata. Habis kekurangan dan kelemahan pemimpin itu didedahkan dan ini akan membuatkan pengikut boleh hilang kepercayaan pada pemimpin dan kuranglah ketaatan dan taat setia. Dan bila ini terjadi arahan-arahan pemimpin tidak dapat sambutan yang baik dan program-program yang disusun tidak dapat kerjasama yang menggalakkan. Maka bcrmula-lah detik-detik kejatuhan dan kegagalan bagi badan itu. Atas dasar inilah maka Allah mengingatkan dalam Al Quran:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى
ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ

Ertinya: ,

"Taatlah Allah dan taatlah Rasul dan pemimpin kamu." An Nisa': 59

3. Krisis juga akan menjadikan parti dalam parti, jemaah dalam jemaah dan group dalam group. Ertinya puak-puak dalam satu badan. Dan ini kalau terjadi akan meletakkan badan itu dalam kancah pergaduhan sepanjang masa. Kegiatan-kegiatan ke arah membangunkannya tergendala dan masa akan habis dengan sia-sia. Kerana mengelak daripada kerugian inilah Allah perintahkan:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ وَٱذْكُرُوا۟
نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ
فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ
مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ
ءَايَـٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Ertinya:

"'Dan berpeganglah kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dulunya bermusuh-musuhan, maka Allah menjinakkan antara hatimu, lalu menjadilah kamu kerana nikmat Allah itu bersaudara, dan kamu telah berada di jurang api neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu agar kamu mendapat petunjuk."

Surah Al Imran: 103.'

4. Kalau pemimpin pun berkrisis, anak buah apa lagi. Bapa borek, anak rintik. Seakan-akan diberitahu pada pengikut, "Tak mengapa berkrisis ni, tak salah dan tak rugi apa-apa." Walhal krisislah hilangnya kasih sayang, hilang perpaduan. Apa yang dapat ialah masing-masing memikirkan bagaimana untuk jatuhkan lawan hingga akhimya kacau bilau dan pecah belah.

5. Bila para pemimpin satu badan pertubuhan melantangkan suara menuduh satu sama lain, anak buah atau pengikut akan lari. Para simpati dan pemerhati tawar hati. Kalau selama ini sanggup menyumbangkan tenaga dan harta benda untuk bantu badan itu, maka bila krisis, mereka akan tarik balik simpati dan sumbangan. Kalau krisis itu terjadi dalam negara, kesan buruknya ialah para pelabur asing tidak akan melabur lagi. Ini kalau berlaku akan mengancam pembangunan dan ekonomi negara.

6. Bila terjadi krisis dalam satu badan atau pertubuhan maka bersoraklah orang-orang yang memusuhi badan itu. Usaha mereka untuk jatuhkan badan itu rasa terbantu. Musuh selalunya akan gunakan salah satu puak yang berkrisis untuk jatuhkan puak yang satu lagi. Musuh, malah mungkin memberi puak pembangkang untuk mem-pcrcepatkan ranapnya pertubuhan itu. Demikianlah krisis memberikan kesempatan yang besar untuk menjahanamkan sesebuah pertubuhan itu di tangan musuh.

7. Nasib orang-orang yang kalah dalam krisis selalunya lebih malang dari semasa mereka dalam kumpulannya. Kita lihat pengalaman mereka kebanyakannya akan terpencil dari masyarakat; Usaha-usaha mereka untuk buat pembangunan dari segi lain tidak begitu mendapat

sambutan dari sebelumnya. Pendek kata hasil krisis selalunya pihak pcnentang tidak segagah dan sehebat sebelumnya.

Memandangkan kesan di atas, tidak bolehlah seseorang memandang kecil pada scsuatu krisis. Tidak bolehlah dikatakan krisis adalah baik untuk scsuatu proses penawaran diri untuk bcrkhidmat pada parti. Dan ianya hanyalah masalah keluarga. Banyak cara lain untuk berbakti pada kumpulan tanpa masam muka dan menyakiti kawan. Masakan usaha untuk berkhidmat pada parti berlaku dalam keadaan hina-menghina dan memalukan kawan. Orang-orang awal membangunkan parti (kumpulan) tanpa menjual nama baik ahli parti (kumpulan). Dan kalau betul berkeluarga masakan tergamak berbaik dengan musuh untuk serang keluarga?

Berkrisis atau bermujadalah walaupun kecil apalagi taraf antarabangsa tidak pemah membawa kebaikan. Pihak yang menang akan sombong, ujub dan bertindak kejam terhadap lawan. Sebaliknya yang kalah rasa “frust” dan selalunya cari jalan untuk jatuhkan lawan dengan cara di luar perikemanusiaan. Kes bunuh dan lain-lain jenayah yang banyak berlaku kini sebahagian besar adalah hasil dari kekalahan dalam pergelutan merebut nama, pangkat, harta benda, wang ringgit dan lain-lain kepentingan duniawi.

Tiada seorang pun berkata krisis adalah baik kecuali orang itu sendiri berhajat sangat untuk cat-i sesuatu kepentingan dari krisis itu.

4.
JALAN KELUAR

LANGKAH-LANGKAH praktikal yang boleh diusahakan untuk mengelak dari terjadinya krisis atau untuk menyelesaikan krisis yang terjadi adalah seperti berikut:

1. Membersihkan hati atau jiwa (dengan jiwa taqwa).
2. Mengadakan syura (muzakarah).
3. Kembali kepada petunjuk atau hukum yang benar dari Allah dan Rasul.
4. Jangan bertindak balas.
5. Suratkhabar jangan jualkan berita-berita yang boleh merosakkan masyarakat.
6. Jangan seret orang yang tidak tahu menahu lebih-lebih lagi dengan musuh.

Membersihkah Hati.

Telah dikatakan dalam bab yang lalu bahawa krisis tidak akan berlaku dalam masyarakat yang mempunyai akhlak mulia atau hati yang bersih dan jiwa yang sufi. Ini dapat dibuktikan dengan melihat sejarah hidup para

sahabat di zaman Rasulullah S.A.W. Walaupun terjadi juga selisih pendapat dan kesilapan-kesilapan teknikal, tapi sikap memaafkan, tolak ansur, baik sangka dan kasih sayang antara mereka membuatkan krisis (pergaduhan) tidak pemah berlaku. Tidak pemah terjadi kecaman peribadi. Ini adalah kerana berjayanya Rasulullah didik manusia sezaman untuk benar-benar mempunyai akhlak yang agung dan benar-benar melaksanakan ajaran Al Quran dan Sunnah.

Tapi sesudah Rasulullah, manusia kembali mengotori jiwa mereka. Maka terjadilah krisis lepas satu, satu lagi. Di zaman salafus soleh krisis sudah bermula, (tapi bentuknya tidak melulu) dan berlaku terus dalam generasi berikutnya, hinggalah zaman ini krisis sudah jadi mainan yang lumrah dalam kehidupan seluruh manusia. Untuk bebaskan manusia dari bencana ini, tiada jalan lain yang mesti diikut selain jalan yang ditunjukkan oleh Rasulullah. Hanya itu saja caranya untuk mengurangkan krisis dalam masyarakat kalau pun tidak dapat dihapuskan semuanya.

Ketika dalam perjalanan pulang dari medan perang Badar, bersabda Rasulullah pada para sahabat:

رجعنا من الجهاد الأصغر إلى الجهاد الأكبر. قالوا: وما الجهاد الأكبر؟ قال: جهاد القلب او جهاد النفس (رواه البيهقي).

"Kita baru balik dari satu peperangan yang kecil menuju kepada peperangan yang lebih besar."

Sahabat terperanjat lantas bertanya, “Peperangan apa yang besar itu ya Rasulullah?” Jawab baginda, ‘Peperangan melawan nafsu.

Di waktu lain Rasulullah berkata begini:

وان في الجسد مضغة اذا صلحت، صلح الجسد كله

واذا فسدت، فسد الجسد كله الا وهي القلب

رواه البخاري ومسلم

Ertinya:

“Di dalam diri anak Adam ada seketul daging, jika baik daging itu, baiklah manusia itu. Jika jahat maka jahatlah dia. Ketahuilah itulah hati.”

Hati adalah tempat bersarangnya nafsu. Manakala nafsu adalah musuh ketat manusia. Ini diberitahu sendiri oleh Allah dengan firman-Nya:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Ertinya:

“Sesungguhnya nafsu itu sangat mengajak pada kejahatan.” Yusuf: 53

Kalau begitu benarlah bahawa peperangan yang besar, sengit dan panjang ialah peperangan untuk mengalahkan diri sendiri, yakni nafsu yang bersarang dalam diri (hati).

Kemudian Allah S.W.T mengisyaratkan betapa penting-

nya amalan membersihkan hati dari kejahatan nafsu. Firman-Nya:

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا

Ertinya:

"Beruntunglah orang-orang yang membersihkan hatinya. Dan rugilah siapa yang mengotorinya."

Asy Syams: 9 & 10.

Keuntungan yang Allah maksudkan ialah keuntungan dunia dan akhirat. Untung di dunia kerana dapat sifat-sifat baik, seperti berbaik sangka, suka meminta maaf dan memberi maaf, pemurah, tolak ansur, merendah diri berkasih sayang, ikhlas (buat suatu kerana Allah bukan untuk sesuatu kepentingan diri dan duniawi), takut dosa, jujur, tiada sentimen perkauman dan lain-lain nilai yang baik (mahmudah). Dengan sifat-sifat ini masyarakat akan tersusun cantik.

Ulama menjadi obor, menerangi masyarakat dcngan syiar Allah. Pemimpin menjadi payung, menaungi manusia dengan keadilan dan kemakmuran. Orang kaya jadi bank, menghulur derma bakti pada si miskin, tanpa menagih bayaran atau faedah. Orang miskin tidak meminta-minta atau merampas, sebab redha dengan kehendak Tuhannya. Tentera jadi pagar untuk membenteng kebenaran ummah dan keselamatan negara. Suami jadi ketua yang bijaksana, si isteri jadi pembantu yang taat. Ibu bapa jadi pendidik yang bijaksana, anak-anak jadi murid yang patuh. Wanita jadi tiang negara yang membangunkan masyarakat melalui akhlak sopan santun, malu, taat, menutup aurat dan berkhidmat pada rumah dan ahli rumah.

Ciri-ciri masyarakat beginilah yang boleh mewujudkan negara yang dimaksudkan oleh Allah:

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Ertinya:

"Negara yang amun makmur dan mendapat keampunan Allah." Saba': 15.

Itu keuntungan di dunia, manakala di akhirat, Allah berfirman:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

Ertinya:

"Pada hari itu tiada berguna anak dan harta kecuali mereka yang pergi mengadap Allah membawa hati yang selamat."

Asy Syuara: 88 & 89.

Dengan hati yang bersih sahajalah Allah akan bcbaskan manusia dari azab neraka di akhirat. Hanya hati yang suci saja yang layak masuk ke Jannatun Naim.

Maka langkah-langkah membersihkan hati ini hendaklah menjadi program penting hidup kita. Sebagaimana pembangunan lahiriah kita melakukan mengikut kaedah yang sungguh saintifik maka patutnya pembangunan rohani ini lebih diutamakan lagi. Sebab pembangunan lahiriah kalau tidak berjaya tidak merosakkan negara tapi kalau pembangunan rohani tidak berjaya kesannya ialah

masyarakat dipenuhi pesakit jiwa, pencuri, pembunuh, penzina, penipu, pemakan rasuah, pendendam, pemarah, pendengki, pengadu domba, penabur fitnah, penghasut, perosak dan lain-lain lagi. Kalau ini terjadi bukan saja pembangunan lahiriah tidak bermakna lagi, tapi bangsa itu sendiri mungkin ranap dan hancur.

Pepatah Arab ada berkata yang maksudnya:

"Sesungguhnya sesuatu bangsa itu dianggap wujud bilamana ada akhlaknya. Tapi bila budi pekerti hilang, bangsa itu dianggap tidak wujud lagi."

Dasar penerapan nilai-nilai Islam oleh kerajaan kini sebenamya sungguh penting dan besar faedahnya kalau kaedah untuk sampai kepada matlamatnya bertitik tolak dengan melakukan mujahadatun nafs yakni peperangan melawan hawa nafsu. Dengan kata lain, mendidik umat membuang kejahatan nafsunya diganti dengan nafsu yang baik (mahmudah), yakni usaha-usaha membangunkan jiwa yang suci dan akhlak yang agung. Hanya akhlak mulia boleh bangunkan tamadun bangsa. Dan hati yang suci yang boleh bina keadilan dan keamanan.

Program ini mesti dilaksanakan secara menyeluruh dan sistematik. Mula dari peringkat individu, rumahtangga, sekolah, pejabat, maktab, universiti, hospital, kilang-kilang, ladang-ladang, kampung dan bandar, .laut, darat dan di mana juga ada manusia. Biar semua manusia dengar, tahu dan ikut perjuangan membina akhlak dan membersih hati ini. Supaya semua umat Islam bercita-cita untuk capai darjat mahmudah yakni nafsu yang baik (terpuji).

Perlu diketahui bahawa peranan pendidikan bentuk ini bukan boleh diserah pada sebarang professor atau doktor. Kalau bukan oleh ulama sufi yang ‘amilin (praktikal), berwibawa, mementingkan akhirat dari dunia, program ini tidak akan berhasil apa-apa. Umpama kita suruh bapa ketam mengajar anaknya berjalan betul. Sampai bila pun kita tidak akan lihat hasilnya.

Sekiranya langkah ini dapat dijayakan, insya Allah lama kelamaan kita akan dapat masyarakat yang kita inginkan. Sebaliknya kalau tugas ini diabaikan, atau diusahakan oleh orang yang tidak cukup syarat, alhasil membiakkan huru-hara dan kacau-bilau dan krisis yang sedia ada kini.

Secara detail kaedah membersihkan hati ini atau melawan hawa nafsu digariskan oleh Imam Ghazali dalam Ihya Ulumuddin. Dan kaedah itu telah saya ringkaskan secara umum dengan teknik yang sesuaikan dengan orang zaman ini, dalam buku saya **“Iman dan Persoalannya”.** Saudara boleh juga dapati dalam buku-buku tasawuf lain yang banyak dalam pasaran. Untuk pengetahuan dan panduan bacalah kitab-kitab itu. Tapi untuk mengamalkan kita kena berguru pada seorang yang mursyid, paling tidak guru yang melakukan apa yang dia tahu. Sebab belajar dengan guru yang tidak beramal, akan membuatkan kita juga tidak beramal. Ini berdasarkan kata-kata Sayidina Ali:

‘Jika seorang alim itu tidak bertaqwa menjadilah kata-katanya kepada hati manusia umpama mencurah air di atas batu yang licin atau di atas telur burung kasawari.”

Maknanya, pengajaran orang itu tidak berkesan apa-apa dan tidak boleh menjadikan manusia lebih baik dari sebelumnya. Dalam pada itu, tidak boleh juga kita belajar

sendiri tanpa guru. Sebab orang yang membaca sendiri maka syaitanlah gurunya.

2. Mengadakan Syura.

Apabila terjadi perselisihan antara dua pihak, maka untuk cari titik sefahaman yang sebenar ialah kedua-dua pihak sanggup berunding, berbincang dan bermuzakarah. Inilah dimaksudkan syura. Langkah ini ditunjuk sendiri oleh Al Quran:

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

Ertinya:
hendaklah kamu bermesyuarat dalam sesuatu perkara." Ali Imran: 159.

Sabda Rasulullah S.A.W:

حياة العلم مذاكرة

Ertinya:
"Hidupnya ilmu dengan muzakarah."

Sesuatu perkara yang dimesyuaratkan akan nampak jelas tentang apa yang diperselisihkan, menghilangkan prasangka dan buruk sangka serta membetulkan kesilapan di mana-mana. Jadi kalaulah masing-masing bersedia untuk duduk semeja bincang dari hati ke hati, dengan jiwa yang bersih insya Allah tidak jadi krisis atau kalau jadi pun, tidak berpanjangan.

Tapi selalunya kedua pihak atau satu pihak enggan memilih cara ini. Sebab masing-masing mementingkan kemenangan di pihak sendiri dari kebenaran untuk menyelesaikan krisis itu. Ataupun kerana sesuatu kepentingan, maka sesuatu pihak yang tidak setuju penyelesaian cara damai. Ataupun kerana sombong atau marah, kadang-kadang satu pihak tidak mahu bertemu wajah untuk bermesyuarat. Semua ini adalah kerana faktor awal tadi yakni manusia-manusia tidak mempunyai hati yang bersih. Hati mereka kotor dengan sifat jahat dari syaitan dan nafsu. Maka untuk menyelesaikannya kita berbalik kepada kaedah berperangan dengan hawa nafsu yang disebutkan sebelum ini.

3. Kembali Kepada Allah dan Rasul.

Terjadinya perselisihan atau krisis adalah kerana masing-masing puak merasakan mereka benar, dengan menyalahkan pihak lain. Maka untuk cari titik penyelesaian dan kesamaan, hendaklah diambil satu tempat rujuk yang diakui bersama. Keputusan dari sana sama-sama pula diterima. Kaedah inilah yang dimaksudkan oleh firman Allah:

فَإِن تَنَٰزَعۡتُمۡ فِي شَيۡءٖ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمۡ
تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ

Ertinya:

"Agabila kamu telah berbalah dalam satu-satu perkara hendaklah kembali kepada Allah dan Rasul. Jika kamu beriman dengan Allah dan hari akhirat." An Nisa': 59.

Tiada tempat rujuk yang lebih besar lagi adil selain Al Quran dan Sunnah. Selagi ianya dari akal manusia ia tetap cetek dan nisbi. Kebenaran dan keadilannya tidak sampai menjangkau semua masalah untuk semua orang dalam semua masa. Hanya Allah dan Rasul yang tahu jawapan sebenar tentang satu-satu masalah Sebab itu bila ada yang kita perselisihkan maka carilah jawapannya dalam Al Quran dan Hadis. Pihak yang enggan berbuat begini kerana degil dan sombong dengan pendapatnya adalah dikira tidak beriman, berdasarkan firman yang tersebut di atas. Atau kalau keengganan itu dikeranakan tidak yakin Al Quran dan Sunnah boleh dijadikan tempat rujuk dalam apa juga masalah, adalah termasuk orang-orang yang menolak hukum Allah.

4. Jangan Bertindak Balas.

Krisis hanya terjadi kalau ada tindakbalas dari satu puak kepada puak lain yang memulakannya. Misalnya krisis dalam sesebuah parti adalah kerana "team B" menyahut seruan "team A". Bila kata bersahut gayung bersambut maka terjadilah krisis. Sebaliknya kalau "team B" buat tidak tahu saja, biar "team A" bergayung seorang, maka tidak adalah kekecohan. Bila dia sudah letih, sudah habis tenaga, baru "team B" masuk gelanggang dan umumkan hal sebenar, bahawa "team A" telah tersesat jalan.

Kesilapan kawan patutnya diperbincangkan secara terhormat, bukan dihina dan didedahkan. Kalau bukan ada satu-satu kepentingan peribadi mustahil seseorang tergamak menjatuhkan kawan baiknya. Dan setiap orang yang waras dengan mudah saja akan faham duduk perkara ini, dan boleh terima "approach" ini. Sepatutnya tidak



payah buang masa dan tenaga untuk jawab serba serbi apa tuduhan pihak lawan. Masalah tidak akan selesai, krisis tambah lebar dan panjang dan masyarakat kucar-kacir dibuatnya.

Saya ketika dituduh bertalu-talu oleh bekas timbalan saya, melalui suratkhabar dan risalah serta lain-lainnya, lebih kurang 5 bulan lamanya bertahan (berkubu) sahaja tanpa menjawab sepatah pun (menggunakan suratkhabar sekalipun suratkhabar Al Arqam). Alasan pertama ialah tidak mahu orang suratkhabar dapat modal lebih untuk huru-harakan lagi keadaan. Yang mana kalau itu berlaku, akan lebih ramai ahli masyarakat yang bingung dan kelam kabut.

Sebab lain ialah mencari kebenaran dalam apa juga persoalan bukan boleh tergesa-gesa, gopoh-gapah dan di jalan-jalan, apalagi dalam suratkhabar. Ilmu dan keadilan mesti dibahaskan secara berhati-hati, tenang, matang dan bijaksana. Masyarakat mesti difahamkan asal usul duduk perkaranya dan sebab-sebab terjadinya secara teratur dan ilmiah. Bukan main pukul, hentam, gertak, ugut dalam risalah-risalah yang ditabur dan suratkhabar yang murah.

Atas dasar itu saya terpaksa menanggung dan menelan kepedihan dari tuduhan dan fitnah itu, sekian lama. Biar saya seorang yang susah dari membiarkan beribu-ribu orang lain terseret sama dan demi menjaga perpaduan terutamanya di kalangan orang-orang saya. Juga agar musuh tidak ambil kesempatan untuk huru-harakan lagi keadaan. Sikap saya membuatkan masyarakat tidak bertindak apa-apa. Mereka turut bertahan, menunggu keluamya buku saya. Dengan izin Allah cara ini telah lebih menguntungkan saya dan Darul Arqam.

Saya sebutkan ini bukan bennaksud mengangkat diri tapi satu bentuk (التحدث بنعمة الله) iaitu menceritakan nikmat Allah). Betapa kalau Allah kumiakan kesabaran dan hikmah dalam menghadapi ujian, kesusahan yang kita tanggung akan bcrakhir dengan selamat. Kesannya Al Arqam sekarang tidak bcrganjak dari tempatnya. Sebaliknya pihak lawan yang terhukum. Hilang dari perjuangan, syarahan sudah tidak diminati ramai. Mereka sesama sendiri sudah saling menyalahkan. Si A kata si B, Si B kata si C. Ada yang menyalahkan suratkhabar.

Ramai orang yang bentuk ini sudah hilang dari arena perjuangan. Seketika dulu memang popular, laku sungguh cakapnya, macam pcmimpin bcsar, tapi tidak lama selepas itu, hilang lenyap. Ini perjuangan jangka pendek. Dan ruginya jangka panjang. Ini salah strategi namanya. Strategi dalam perjuangan penting diambil kira.

Sebagai pemimpin kita jangan ajar anak buah jadi tidak sabar dan mudah melatah. Untuk itu pemimpin sendiri terpaksa buktikan bahawa dia adalah sabar, bijaksana dan cintakan perpaduan lebih dari kepentingan diri. Dia sanggup korbankan namanya demi menjaga nama parti atau jemaahnya. Kalau ini dapat diamalkan, insya Allah, Allah tidak biarkan kita pada musuh kita.

5. Suratkhabar Jangan Jualkan Berita Yang Boleh Merosakkan Masyarakat.

Tersebar dan meluasnya berita sesuatu krisis biasanya terjadi kerana campurtangan orang-orang suratkhabar. Kalaulah orang suratkhabar bersikap “wait and see”, saya

yakin gema krisis tersebut tidaklah seperti yang terjadi. Tapi entah apa agaknya dasar perjuangan suratkhabar ini maka samada mereka sedar atau tidak, banyak kali sudah sikap mereka menghasilkan resah gelisah dan kacau bilau dalam masyarakat. Bila masyarakat yang kosong pengetahuannya tentang sesuatu perkara, diberitahu tentang sesuatu secara melulu dan penekanan yang kurang adil (bukan hasil penyelidikan yang teliti dan sihat) maka timbullah berbagai reaksi dari berbagai kelompok tadi. Kesannya tentu tidak terhenti di situ saja. Bukan tidak boleh melaporkan berita tapi teknik penulisan biar mula dan akhir dengan membawa kebaikan pada semua orang. Ini dipesan selalu oleh pemimpin kita Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud:

'Damaikanlah dua saudaramu yang bergaduh."

Satu contoh kesimpulan berita yang baik ialah begini:

"Selisih faham team A dengan team B sebenarnya soal biasa dalam sesuatu pertubuhan. Sebab belum pernah terjadi dalam sejarah satu pentadbiran yang benar-benar sempurna. Salah silap di sana sini bukanlah sesuatu yang luar biasa. Menyelesaikan kesilapan bukan dengan cara mengungkit-ungkit kesilapan tetapi memberi kerjasama untuk betulkan kesilapan:"

Tulisan bentuk ini menghentikan kata mengata, prasangka dan ketegangan. Masyarakat terdidik untuk memaaIkan kesilapan dan kelemahan orang lain, di samping saling bantu membantu untuk kuat menguatkan. Allah S.W.T telah mengingatkan kita tentang penyair atau penulis serta tulisan mereka yang boleh bawa celaka pada manusia. Firman-Nya:

وَالشُّعَرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ
وَادٍ يَهِيمُونَ وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ

Ertinya:

'Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang yang sesat. Tiadakah kamu melihat bahawasanya mereka mengembara di tiap-tiap lembah dan bahawasanya mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakannya."

Asy Syuara: 224 & 226.

Allah dedahkan keadaan di mana para penyair (penulis), peminat atau pengikut mereka adalah dari golongan orang-orang yang sesat (jahil). Sebab hasil karya mereka adalah khayalan, hasil menungan di tempat-tempat peranginan atau bersumberkan sangkaan-sangkaan yang tidak berasas. Yang mana apa yang dituliskan itu mereka sendiri tidak berbuat (tidak praktikkan) dan mungkin juga tidak faham. Itulah ciri-ciri penyair (penulis) yang tidak beriman. Sebab di dalam ayat tadi juga Allah menyambung

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ
كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظُلِمُوا وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ
ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ

Ertinya:

"Kecuali orang-orang (penyair-penyair) yang beriman dan beramal soleh dan banyak menyebut nama Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman. Dan orang-orang yang zalim itu tidak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali." Asy Syuara: 227.

Kebalikan dari ciri-ciri tadi, penyair beriman dapat memandu manusia kepada kebenaran. Mereka mengambil idea dari petunjuk Allah, Al Quran dan Sunnah. Dan mereka, kerana memperjuangkan kebenaran sanggup sabar atas kezaliman penentang-penentangnya. Tapi akhimya mereka mendapat pembelaan Allah dan kemenangan jangka panjang.

Demikian Al Quran menganalisa kewujudan manusia yang berbagai ragam ini. Hatta kewujudan golongan penulis pun diberi perhatian. dan panduan tentang baik buruknya.

Saya memandang sikap orang suratkhabar suka membesar-besarkan atau sekurang-kurangnya mengeluarkan berita krisis dengan cara yang boleh menjurangkan lagi dua orang atau dua puak ini sungguh bertentangan dengan dasar penulis beriman. Tidak nampak apa-apa kebaikan dari tulisan ini selain untuk lariskan jualan. Itu sajakah dasar dan matlamat perjuangan joumalis Melayu Islam kita? Kalau tidak tentu mereka akan "pressure group" yang boleh:

1. Menegakkan kebenaran menumpaskan yang batil, yang bersumberkan wahyu; Al Quran dan Hadis.
2. Mendamaikan manusia; menghentikan peperangan,

memulau segala bentuk jenayah dan sengketa serta membantutkan apa juga bunga krisis yang ingin berkembang.

3. Membina tamadun umat agar agama dan bangsa menjadi "tuan-tuan" di bumi sendiri sekurang-kurangnya.
4. Barulah dengan tujuan "commersial" itu pun bukan untuk poket dan perut saja.

Sekiranya suratkhabar tidak boleh jadi saluran kepada cita-cita ini, saya sungguh yakin bahawa kita tidak akan lepas dari sunnatullah ini.

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنظُرُوا كَيْفَ كَانَ
عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْهُمْ
وَأَشَدَّ قُوَّةً وَآثَارًا فِي الْأَرْضِ فَمَا أَغْنَىٰ عَنْهُم
مَّا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Ertinya:

*"Dan apakah mereka tidak berjalan di muka bumi lalu melihat bagaimana kesudahan orang-orang yang sebelum mereka. Sedangkan orang-orang itu adalah lebih besar kekuatannya dari mereka? Dan tiada suatu pun yang dapat melemahkan Allah baik di langit mahupun di bumi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi *Maha Kuasa."* Surah: Mukmin :82.

6. Jangan seret orang yang tidak tahu menahu, lebih-lebih lagi musuh.

Selalunya orang yang cerdik akan menyorokkan rahsia pergaduhannya. Sebab orang yang bergaduh atau berkrisis ialah orang yang tidak baik akhlaknya. Dan ini kalau orang tahu boleh menjejaskan nama baiknya. Pertama, dari sikap orang akhbar yang suka mendedahkan krisis-krisis ini ialah melemahkan wibawa orang-orang tertentu dan kedua, kalaulah orang itu ialah pemimpin masyarakat, maka pengikut jadi kurang yakin padanya. Ini mengakibatkan lumpuhnya sesebuah pertubuhan itu, malah ini memang pun pemah berlaku.

Bila orang rarnai tahu tentang sesuatu krisis, umumnya mereka akan menilai mengikut penilaian pembawa berita itu. Sedikit saja yang arnbil sikap untuk mengkaji sendiri dan buat pertimbangan yang lebih adil. Kalau pemberita itu adil, tidak mengapa jugalah. Tapi kalau pemberita fasik, mereka akan riuh-rendahkan masyarakat dengan kefasikan. Kebenaran tidak wujud lagi. Dalarn keadaan itu, mustahil kita boleh dapat keamanan, kemakmuran dan keselamatan yang konon diperjuangkan.

Memandangkan mass-media kita kebanyakannya bukan berjalan atas dasar menegakkan hukum Allah, maka tidak susah bagi mereka untuk berani membuat berita fasik, sebab bila seseorang tidak bercita-cita untuk tegakkan hak Allah, maka dia berjalan atas kepentingan lain. Mereka tidak takut dosa, ertinya tidak takut untuk buat salah. Membuat-buat berita yang tidak benar dikira bukan salah besar. WaIhal akibat dari itu krisis tambah sengit dan masyarakat resah gelisah. Sebab itulah Allah berpesan:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن جَآءَكُمْ فَاسِقٌۢ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوٓا۟

Ertinya:

"Wahai orang-orang beriman, apabila datang orang fasik membawa berita maka hendaklah kamu periksa." Al Hujurat: 6.

Satu keburukan yang lebih banyak ialah bila musuh campur tangan. Allah siang-siang sudah beritahu tentang adanya musuh. Firman-Nya:

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ ٱلْيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَـٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

Ertinya:

"Sekali-kali tidak redha Yahudi dun Nasrani hinggalah engkau ikut agama mereka (cara hidup)." Al Baqarah: 120.

Selalunya bila kita sesama sendiri kita berpecah, musuh sebenamya dapat kesempatan baik untuk melanjutkan keinginannya menghancurkan kita. Sebab itu salah faham di kalangan kita usah diumumkan. Kalau hendak umumkan juga biarlah bentuk yang sihat dan tidak buka jalan bagi kemasukan musuh.

Ramai orang tidak puas hati sikap saya tutup mulut sewaktu dicungkil-cungkil oleh akhbar berkait dengan isu Mahdi dan tariqat. Sebenamya saya tidak mahu memanaskan lagi orang-orang tengah panas (marah).

Tunggu mereka sejuk dulu baru kita bincang baik-baik. Sebab kalau orang yang tengah panas dilayan bercakap, sekalipun yang kita cakap itu baik, tidak akan diterima baik. Apalagi kalau jawapan kita itu juga kurang sihat. Macamlah seorang suami yang tengah marahkan isteri, walaupun si isteri bercakap baik, dia menengking juga. Sebab itu, isteri kena bersabar, tunggu suami sejuk, baru cakap. Sebab dengan cara itu masalah tidak selesai, krisis menjadi-jadi, masyarakat heboh. Yang untung ialah musuh serta suratkhabar tambah laris.

Teringatlah saya sabda Rasulullah riwayat Abu Umamah. Tinggalkanlah pertengkaran dan berbantah-bantahan, sebab amat sedikit sekali kebaikannya. Hindarkanlab pertengkaran dan berbantah-bantahan sebab tidak seberapa manfaatnya. Malah akan menarik kepada permusuhan dan perselisihan antara sesama saudara. Keburukan lain kalau masyarakat dilibatkan dalam sesuatu krisis ialah begini:

Katalah si A tuduh si B tidak amanah. Tanpa usul periksa kita siarkan tuduhan itu. Walhal si A ketika menuduh mungkin dengan hasad dengki atau dendam dan lain-lain. Maka dia hanya buat fitnah. Ertinya tuduhan itu tidak benar. Tapi kerana masyarakat sudah diberitahu, fitnah sudah tersebar, maka untuk menarik balik bukanlah mudah. Hasilnya si B akan dianggap serong, tidak boleh dipercayai dan dipulaukan. Kenduri tidak datang, sakit tidak diziarah. Kalaulah keadaan ini dibenarkan berlaku terus dalam masyarakat, saya kira sampai bila kita tidak akan bertemu keadilan dan keamanan. Ertinya kezalimanlah yang bermaharajalela. Dalam keadaan itu tidaklah yang ditunggu sebenarnya melainkan kehancuran kaum itu. Firman Allah S.W.T:

فَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا وَهِيَ ظَالِمَةٌ
فَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَبِئْرٍ مُّعَطَّلَةٍ
وَقَصْرٍ مَّشِيدٍ ﴿٤٥﴾ أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ
فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ
بِهَا ۖ فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَٰكِن تَعْمَى
الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ ﴿٤٦﴾

Ertinya:

'Berapalah banyaknya kota yang Kami telah binasakannya, yang penduduknya dalam keadaan zalim, maka (tembok-tembok) kota itu roboh menutupi atap-atap dan (berapa banyak pula) perigi yang telah ditinggalkan dan istana yang tinggi."

"Maka apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, lalu mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat mendengar? Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tapi yang buta ialah hati yang di dalam dada. " -Al Hajj: 45-46.

Dan maksud hadis pula:

"Tidak akan sesat satu kaum selepas dapat petunjuk kecuali setelah datang kepada mereka itu suka berbantah-bantah

5a

SIKAPMANUSIATERHADAP KEBENARAN

SEMUA saranan yang saya buat dari awal hinggalah akhir buku ini, tentang bagaimana mengelak dan menyelesai serta mengurangkan krisis, kalau tidaklah terlalu tepat, tentu sedikit sebanyak ada benamya. Benar mengikut ukuran Islam, berlandaskan Al Quran dan Sunnah.

Sekalipun ianya adalah kebenaran, Al Quran sendiri telah membahagikan manusia kepada beberapa kumpulan mengikut sikap mereka dalam meaaghadapi kebenaran.

1. **Kafir.**
2. **Munafik.**
3. **Mukmin.**

1. Orang Kafir.

Sifat orang kafir terhadap kebenaran ialah samada diberitahu atau tidak sama saja. Firman Allah:

وَسَوَآءٌ عَلَيۡهِمۡ ءَأَنذَرۡتَهُمۡ

أَمۡ لَمۡ تُنذِرۡهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ۚ

Ertinya:

"Sama saja bagi mereka apakah kamu memberi peringatan kepada mereka ataukah kamu tidak memberi peringatan kepada mereka. Mereka tiduk akan beriman."

Yasin: 10.

2. Orang Munafik.

Munafik hakikatnya kafir. Sebab mereka sebenamya tidak percaya (ragu-ragu) dengan kebenaran. Mereka melahirkan ke-Islaman dan menyembunyikan kekufuran. Atas sikap ini Allah berfirman

إِنَّ ٱلۡمُنَٰفِقِينَ فِي ٱلدَّرۡكِ ٱلۡأَسۡفَلِ مِنَ ٱلنَّارِ ۚ
وَلَن تَجِدَ لَهُمۡ نَصِيرًا

Ertinya:

"Sesungguhnya orang-orang munafik itu (ditempatkan) pada tingkat yang paling bawah dari neraka, dan kamu sekali-kali tidak akan mendapat seorang penolong pun bagi mereka."

An Nisa: 145.

Ini adalah kebenaran sifat mereka yang pandai bermuka-muka. Kalau berjumpa orang Islam, mereka berlagak macam Islam. Kalau tidak mengaku pun tapi sikapnya berkata begitu. Dia akan sembahyang sama-sama orang Islam dan buat kegiatan-kegiatan Islam yang lain. Sebaliknya kalau jumpa orang kafir, mereka jadi macam

orang kafir. Sanggup buat macam-macam maksiat, macam orang kafir buat. bahkan golongan ini lebih senang dan lebih mesra dengan orang kafir daripada orang Islam.

Golongan ini, sebenamya tidak sensitif dengan kebenaran. Samada dengar atau tidak, tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka.

3. Mukmin.

Orang Mukmin terbahagi kepada tiga golongan pula.

i, Muqarrobin.
ii. Solihin.
iii. Fasik (‘Asi).

Para muqarrobin ialah para Rasul, Nabi dan aulia. Mereka adalah سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا terhadap kebenaran. Nafsu mereka tunduk pada Allah 100%. Jadi mereka tidak payah bahas atau mujahadah lagi dalam mentaati perintah Allah. Apa saja perintah kecil mahupun besar, diterima semuanya tanpa sebarang soal jawab.

Para solihin ialah orang-orang soleh, **iaitu orang-orang** yang taat pada Allah. Cuma memka ini ketaatan pada Allah adalah hasil mujahadatun nafsi. Nafsu mereka masih liar, sebab itu bila berhadapan dengan kebenaran, nafsu akan menghalang mereka dari mentaati Allah. Mereka akan mengalahkan nafsu tadi hingga akhimya mereka dapat menunaikan kehendak Allah. Tegasnya mereka terima kebenaran tapi secara memaksa-maksa diri (nafsu) mereka.

Mukmin yang asi, ialah Mukmin yang tahu kebenaran tapi tidak mampu untuk mengikutinya. Nafsu mereka lebih

kuat dari iman, sebab itu mereka selalu kalah dalam perebutan antara keduanya. Mereka menolak kebenaran dalam keadaan mereka tahu dan sedar. Tapi kerana kelemahan melawan nafsu maka mereka terpaksa mengalah. Mereka gagal untuk benar-benar menerima petunjuk Allah.

Oleh sebab umat Islam hari ini masih ramai yang belum terima kebenaran, kerana kegagalan untuk menundukkan nafsu sendiri, atau kerana kejahilan sebab itulah banyak hukum Allah yang dilanggar. Cara untuk menyelesaikan masalah ini ialah dengan memberi ilmu dan pendidikan yang boleh menundukkan nafsu manusia. Dalam Islam pendidikan bentuk ini terdapat dalam ilmu tasawuf manakala latihan praktikal yang mengiringinya ialah mujahadatun nafsi.

Kalaulah hal ini dapat dilaksanakan kita nanti akan menyaksikan kebangkitan Islam yang lebih menyeluruh dan sempuma. Dan kita yakin hanya inilah caranya yang akan menyelamatkan manusia dari sebarang krisis, perpecahan dan kesusahan dunia dan akhirat.

6.
BENTUK KEHIDUPAN SALAFUS SOLEH YANG KURANG BERKRISIS

Masyarakat salafus soleh ialah masyarakat yang berjaya menerapkan konsep kehambaan (ubuddiyah) pada Allah dalam hati mereka. Bila manusia benar-benar sedar bahawa mereka hamba Allah, maka manusia akan hanya bertuhankan Allah dan menolak apa saja selain-Nya. Ketaatan, pengabdian dan penghormatan hanya pada perintah dan undang-undang Allah dan tidak pada nafsu, syaitan, pada manusia, pada dunia dan mana-mana kuasa pun selain Allah. Dan usaha-usaha mereka itu tiada untuk apa-apa kepentingan pun selain untuk mencari keredhaan Allah. Masyarakat salafus soleh hidup untuk berbakti Berbakti pada Allah dan pada manusia untuk mencari keredhaan Allah dan kebahagiaan akhirat yang kekal abadi. Inilah sukatan kebaikan mereka, yang kalau dikelaskan secara umum terbahagi:

1. Khidmat (bakti) pada Allah.
2. Khidmat (bakti) pada sesama manusia.

Al Quran sendiri membahagikan kebaikan itu pada:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ ٱللَّهِ

GJ’ti$?>

Ertinya:

"Ditimpa kehinaan di mana saja kamu berada kecuali kalau kamu mengadakan hablum minallah (hubungan dengan Allah) dan hablum minannas (hubungan dengan makhluk)."

Ali Imran: 112

1. Khidmat dengan Allah.

Cinta mereka pada Allah adalah apa yang digambarkan oleh Al Quran.

ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ

Ertinya:

"Mereka-mereka yang sentiasa mengingati Allah semasa berdiri, duduk dan berbaring."

- Al Imran: 191.

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ
Lq-; قُلُوبُهُمْ

Ertinya:

"Sesungguhnya orang beriman itu adalah mereka yang apabila disebut Allah, gementarlah hati mereka."

- Al Anfaal: 2.

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا۟
بِهَا خَرُّوا۟ سُجَّدًا وَسَبَّحُوا۟ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ
لَا يَسْتَكْبِرُونَ
1

Ertinya:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman kepada ayat Kami, ialah orang yang apabila diperingatkan dengan ayat-ayat (Kami) mereka menyungkur sujud dun bertasbih serta memuji Tuhan dun mereka tidak menyombongkan diri."

Sajdah: 15.

Dengan hati yang begitu dekat dengan Allah mereka sangat ingin melakukan khidmat bakti pada-Nya dengan cara:

i. Sembahyang.

Sembahyang para salafus soleh bukan saja sembahyang yang baik (khusyuk) tapi juga banyak. Paling kurang sembahyang mereka sehari semalam 100 rakaat. Macam-macam sunat yang mereka lakukan siang dan malam. Al Quran menceritakan ha1 mereka:

تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ
خَوْفًا وَطَمَعًا

Ertinya:

"Perut mereka jauh dari tempat tidurnya (mereka tidak tidur di waktu biasa orang tidur, untuk mengerjakan semabahyang malam) sedang mereka berdoa pada Tuhan dengan rasa takut dun harap."

As Sajdah: 16.

Dengan hati yang cinta Allah mereka tidak jemu dan letih bersembahyang. Malah merasa beroleh kekuatan dengan sembahyang itu. (Bukan untuk dapat pahala atau

fadhilatnya saja).

ii. Baca Al Quran.

Masyarakat salafus soleh dapat menjadikan Al Quran sebagai bahan bacaan harian mereka. (Macam kita baca suratkhabar). Bukan saja mereka dapat faham dan menghayati dan dapat petunjuk dari Al Quran, tapi yang pelik mereka dapat mengulang-ulang bacaan itu sebanyak mungkin tanpa jemu dan letih. (Kita baca suratkhabar pun setakat satu pusingan saja, lepas tu tolak ke tepi). Tidak keterlaluan rasanya kita andaikan sukanya salafus soleh membaca Al Quran sebagaimana sukanya kita membaca warkah utusan dari kekasih hati. Mereka menganggap Al Quran dari Allah itu sebagai bmgkisan dari kekasih mereka, sebab itu mana mungkin mereka jemu untuk diulang berkali-kali. Setengah mereka dapat khatam Al Quran dalam masa dua hari. Ada yang satu minggu sekali khatam. Dan rata-rata satu bulan sekali.

Mereka baca Al Quran sambil menangis malah sewaktu-waktu pengsan dan ada yang mati kerana takut dan terkejut dengan berita Al Quran. Para salafus soleh menganggap tidak ada bacaan yang lebih penting dari Al Quran. Tidak ada yang lebih besar, lebih luas skop ilmunya dan lebih hebat dari Al Quran. Sesuailah dengan firman Allah menceritakan kehebatan Al Quran.

وَلَوْ أَنَّ قُرْءَانًا سُيِّرَتْ بِهِ ٱلْجِبَالُ أَوْ قُطِّعَتْ
بِهِ ٱلْأَرْضُ أَوْ كُلِّمَ بِهِ ٱلْمَوْتَىٰ

Ertinya:

"Dan sekiranya ada suatu bacaan (kitab suci) yang dengan bacaan itu gunung-gunung dapat digoncangkan atau bumi jadi terbelah atau kerananya orang-orang yang sudah mati dapat berbicara, tentu Al Quran itulah dia."

Ar Ra'ad: 31.

Mereka cukup dengan Al Quran. Membaca Al Quran bermakna membaca segala-galanya dan mengetahui segala-galanya pula. (Sebab mereka faham erti dan tafsiran ayat-ayat itu). Dengan Al Quran mereka dapat rahsia bumi dan langit, dunia dan akhirat. Melalui Al Quran mereka dapat menguasai dunia dan akhirat. Mereka baca bukan untuk fadhilat berkat dan pahalanya saja, tapi lebih dari itu. Al Quran menjadi sumber hukum, petunjuk hidup, menguatkan keyakinan, kesungguhan berjuang, berkorban dan berjihad, menghidupkan fikiran dan hati serta segala-galanya. Salafus soleh benar-benar berpendidikan Al Quran dalam hidup dan tindakan mereka. Sebab itu mereka jadi umat yang terpimpin dan sentiasa mendapt dorongan dan daya juang untuk melaksanakan kebaikan dan semua undang-undang Allah.

Sebab itulah sekumpulan ahli fikir Yahudi yang berazam untuk melemahkan umat Islam telah sepakat mengatakan bahawa cara yang paling berkesan untuk melumpuhkan umat Islam ialah memisahkan mereka dari Al Quran. Musuh-musuh Allah itu tahu bahawa selagi kitab Allah dijadikan panduan dan pegangan, selama itu umat Islam tidak akan lemah dan tidak boleh dimainkan.

iii. Zikrullah.

Demi kerana cinta pada Allah, salafus soleh sangat

asyik dengan Allah. Hati mereka sentiasa terkenang-kenang dan berfikir tentang Allah. Rindu dan kasih cinta mereka pada Allah melebihi cinta kasih pada selain-Nya. Sebab itu mereka sentiasa berada dalam zikrullah. (Mengingati Allah). Mereka inilah yang Allah maksudkan dengan fix-man-Nya.

ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَـٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمۡ

Ertinya:

"Merqka-mereka yang sentiasa mengingati Allah di waktu berdiri, duduk dan baring.!'

Ali Imran: 191.

Dalam apa saja keadaan mereka terkenangkan Allah, bukan untuk dapat fadhilat, hendak jadi kebal, hendak dapat terbang macam burung atau beret-tang macam ikan. Untuk apa kita terkenang-kenang dan terbayang-bayangkan orang yang kita cintai? Bukankah tanpa satu kepentingan pun selain kerana cinta yang dalam? Begitulah salafus soleh terhadap Allah S.W.T. Kerana mereka sangat kenal Allah, nampak kehebatan-Nya dan terasa benar kebaikan dan jasa bakti-Nya, maka lahirlah cinta suci pada-Nya. Allah S.W.T, sebagai membalas ingatan hamba-Nya telah menjanjikan sesuatu yang sangat mahal. Firman-Nya.

أَلَا بِذِكۡرِ ٱللَّهِ تَطۡمَئِنُّ ٱلۡقُلُوبُ

Ertinya:

"Ingatlah, dengan mengingati Allah itu . hati menjadi tenang."

Ar Ra'ad: 28.

Dan para salafus soleh telah memperolehi apa yang Allah janjikan itu. Hasil mengingati Allah mereka menjadi manusia-manusia yang tenang dan masyarakat yang tenang, aman. Dengan banyak mengingati Allah, Allah mempermudahkan urusan hidup lahir batin mereka yang kerana itu mereka memperolehi ketenangan hidup (ketenangan hati). Firman Allah.

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ

Ertinya:

"Jikalau kamu bersyukur, nescaya Aku tambah nikmat-Ku." Ibrahim: 7.

Selain itu zikrullah juga boleh menggilap hati (melembutkan hati). Dengan zikrullah, kita mengikis segala mazmumah yang berkarat di jiwa. Bila betzikir, kita memasukkan mahmudah dan membuang segala hasad dengki, sombong, bakhil, tamak, gila dunia, dendam, penakut, riak ujub, pemarah dan lain-lain. Dengan zikir, nafsu jadi lemah dan syaitan akan lari. Sebab itu masyarakat yang kuat berzikir ialah masyarakat yang aman dari gangguan mazmumah, nafsu dan syaitan. Para salafus soleh, kerana mengguna pil-pi1 zikir pada penyakit jikwa (hati) mereka telah menjadi aman dari kacau bilau nafsu dan mazmumah. Mereka hidup bersama hati yang bersih (sufi) dalam keadaan saling bcrbaik-baik dan timbangrasa. Sebab itu mereka selamat dari maksiat dan mugkar.

iv. Puasa.

Para salafus soleh adalah orang-orang yang tidak takut dan bimbang dengan puasa-puasa sunat apalagi wajib. Mereka tidak rasa rugi dengan puasa malah rasa bersyukur kerana dapat menundukkan nafsu semata-mata mencari keredhaan Allah. Mereka tidak rasa letih dengan puasa, sebaliknya rasa lebih khusyuk dan bersungguh-sungguh dalam melakukan ibadah dan kerja-kerja harian.

Sebahagian salafus soleh ada yang puasa seperti puasa Nabi Daud A.S satu hari puasa satu hari buka. Ada yang dua hari seminggu; Isnin dan Khamis. Ada yang membanyakkan puasa di bulan-bulan baik seperti Rejab, Syaaban dan Syawal. Paling kurang dari mereka berpuasa tiga hari sebulan; di awal, di tengah dan di hujung bulan.

Masyarakat yang ahlinya rajin berpuasa ialah masyarakat yang kuat mujahadah dengan kerakusan nafsu dan gilakan dunia. Bila nafsu tamak dan gilakan dunia dapat dilemahkan manusia tidak akan bercakaran dan berampukan lagi. Mereka akan tenang dan aman dari perebutan dan perlumbaan untuk saling menjatuhkan. Inilah caranya masyarakat salafus soleh dapat menegakkan kebaikan (makrufat) di kalangan mereka.

v. Berjuang dan berjihad.

Masyarakat salafus soleh adalah masyarakat yang bekerja siang dan malam untuk Allah. Malam beribadah (sembahyang, zikir dan baca Al Quran) dan siangnya bergelanggang di tengah manusia untuk mengembangkan Islam, mentadbir masyarakat serta mengendalikan kehidupan secara Islam.

رهبان في الليل وفرسان في النهار

Ertinya:

'Beribadah waktu malam, berjuang di waktu siang."

Bukanlali bila dikatakan orang itu cinta dan asyik dengan Allah, dia hanya asyik dengan masjid, surau dan pondok. Para salafus soleh membahagikan masa mereka untuk khidmat pada Allah dalam berbagai bentuk. Malam untuk sembahyang siang untuk berjuang. Seperti sembahyang, berjuang juga adalah satu bentuk pengabdian dan pengorbanan untuk Allah. Sebab kedua-duanya adalah perintah Allah dan mereka tidak melebihkan yang satu dari yang lain; tidak sembahyang saja dan tidak berjuang saja. Kalau sembahyang mereka tidak harap apa-apa selain untuk berbakti pada Allah, maka berjuang juga bukan untuk kepentingan apa-apa melainkan untuk khidmat pada Allah S.W.T.

Mereka berjuang sepanjang masa tanpa cuti dan bukan kerja sambilan. Mereka mencari keredhaan Allah dengan memperjuangkan agama Allah dalam bentuk dakwah dan langsung ke medan perang. Sasaran perjuangan ialah manusia; agar seluruh dunia manusia menyembah Allah dan mengikut syariat Islam. Kerana itu mereka tidak sayang untuk korbankan diri, masa, harta benda dan kaum keluarga serta kampung ~halaman. 3/4 daripada sahabat Rasulullah maqam mereka terdapat di luar Semenanjung Arab. Ertinya mereka meninggalkan rumahtangga kaum kerabat, anak isteri dan kampung halaman untuk menyebarkan Islam ke tempat-tempat lain, hingga akhimya berkubur di sana. Islamnya orang-orang China di negeri China adalah kerana perjuangan oleh Saad Abi Waqas, Qutaibah bin Muslim dan Abdullah Al Bahili.

Demikian jadual dan perancangan para salafus soleh mengisi hidup yang sementara di dunia. Pekerjaan utama ialah menjadi hamba kepada Allah, yakni berkhidmat untuk agama Allah manakala kerja-kerja untuk duit, untuk perut dan untuk dunia hanyalah sampingan dan "part time".

Dengan sikap dan pandangan begitu masyarakat salafus soleh menjadi masyarakat yang terkawal, bukan oleh polis, tetapi oleh rasa keimanan kepada Allah dan sesama mereka yang bertanggungjawab memperkata dan menegakkan kebaikan walau di mana dan bila-bila. Masyarakat yang bcrjuang ialah masyarakat yang memelihara bangsa dan agama dari tercemar oleh pengaruh luar dan maksiat. Sebab itu para salafus soleh berjaya mempertahankan kebaikan umat dan menjadi umat contoh sepanjang zaman, dan kurang krisis.

Itulah sebahagian dari sifat-sifat atau kebaikan-kebaikan masyarakat salafus soleh dalam kontek hubungan dengan Allah. Banyak lagi sifat mereka sebenamya seperti zuhud, warak, taat, patuh, tawadhuk, berbaik sangka, membesarkan akhirat dan lain-lain akhlak lahir dan batin yang tinggi lagi mulia. Yang mana dengan sifat-sifat itulah mereka dapat menjadi umat contoh sepanjang zaman.

2. Khidmat dengan masyarakat (manusia).

Allah berfirman:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ ٱللَّهِ
وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ

Ertinya:

"Ditimpa kehinaan di mana saja kamu berada kecuali kamu menghubungkan diri dengan Allah dan dengan sesama manusia." - Ali Imran: 112.

Demikianlah sebenamya Allah mengaturkan satu sistem kehidupan yang menjamin keselamatan dunia dan akhirat. Menyimpang dari kaedah ini bererti memilih kehinaan di dunia dan akhirat. Ertinya Islam meminta umatnya setiap masa hidup dalam perhubungan dengan Allah dan juga dengan sesama manusia. Mencuaikan salah satu atau kedua-duanya sekali bererti menempah kehinaan di maria-mana.

Demikianlah masyarakat salafus soleh yang kerana faham ajaran Islam dan kerana ketaatan pada Al Quran, tidak mencuaikan urusan-urusan kemasyarakatan, sekalipun mereka sibuk bcribadah pada Allah. Sembahyang, zikir, baca Al Quran dan puasa tidak menghalang mereka dari berjuang membangunkan urusan keperluan masyarakat. Malah sebenamya kekuatan dan kesungguhan untuk perjuangkan nasib masyarakat adalah diperolehi dari iman, dari sembahyang, zikir dan puasa mereka. Sesuailah dengan perintah Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

"Beramallah untuk dunia seakan-akan kamu akan hidup selama-lamunya. Dan beramallah untuk akhirat mu seakan-akan kamu akan mati esok hari."

Di antara khidmat-khidmat masyarakat yang mereka perjuangkan ialah:

i. Pendidikan.

Ulama dan ahli ilmu sibuk mengajar, mengumpul dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Umat Islam di zaman salafus soleh merupakan pencinta-pencinta ilmu dan pengkaji-pengkaji yang mengusai bidang ilmu pengetahuan dan pendidikan seluruh manusia di zaman itu. Di zaman merekalah ilmu itu berkembang kepada berbagai-bagai bidang seperti ilmu hisab, ilmu falak, ilmu kimia, ilmu perubatan, ilmu binaan dan lain-lain ilmu yang perlu untuk pembangunan lahiriah masyarakat (ilmu fardhu kifayah). Di samping itu lahimya ahli-ahli feqah, hadis, usuluddin, ahli tafsir, ahli sejarah dan ahli-ahli falsafah yang terkenal ke seluruh dunia hari ini. Masyarakat salafus soleh kerana cintakan ilmu pengetabuan, telah membenarkan ulama-ulama mereka sepenuh masa dengan tugas-tugas pelajaran dan pendidikan, tanpa perlu cari nafkah hidup. Sebab masyarakat menyumbangkan harta yang banyak pada baitul mal yang kemudian menjadi sumber ekonomi pada pejuang-pejuang ilmu seluruhnya.

Yang tinggal dan kita banggakan hanyalah serangkap kata oleh musuh untuk mengenang jasa besar salafus soleh:

"Kita berterima kasih pada Islam kerana memulakan penerokaan di bidang ilmu pengetahuan yang mana kami tinggal meneruskan saja."

ii. Ekonomi.

Pembangunan duniawi tentulah tidak berkembang tanpa kekuatan ekonomi. Mana-mana masyarakat juga kalau mahu menegakkan dan mengukuhkan masyarakat mesti memikir dan merangkakan satu sistem ekonomi yang kemas dan berkesan. Maka begitulah masyarakat salafus

soleh. Sistem ekonomi mereka adalah sistem yang lahir dari hati yang luhur, yang beriman, yang cinta akhirat dan yang rela miskin di dunia kerana merebut kekayaan di akhirat. Satu sistem ekonomi yang cukup bersih, yang tidak mampu lagi ditegakkan oleh ahli-ahli ekonomi seluruh dunia hari ini.

Yang jadi bank kepada masyarakat salafus soleh bukanlah institusi-institusi kewangan kerajaan atau badan-badan swasta yang kaya raya, (yang mahu melebihkan kekayaan mereka melalui pusingan Wang orang-orang kaya; manakala orang miskin tidak dibawa kira dalam kaedah percaturan ekonomi mereka). Juga, bank-bank salafus soleh bukanlah bangunan-bangunan gagah perkasa terletak di pekan-pekan besar dengan megahnya. Tapi masyarakat salafus soleh berjaya menjadikan tiap-tiap individu mereka yang kaya sebagai bank kepada masyarakatnya. Dan rumah-rumah mereka itulah yang jadi tempat dijalankan proses pusingan dan penggunaan Wang mereka. Ertinya kalau waktu itu ada 100 orang kaya, maka 100 buah banklah yang ada. Kalau 1000 orang kaya, 1000 buah banklah yang ada, bertempat di mana-mana kampung dan bandar yang di sana ada manusia.

Kemudian, tujuan bank bukan untuk simpan duit orang berada, beri pinjaman dengan cagaran dan bayaran kembali berganda-ganda. Bank-bank salafus soleh ialah bank yang akan mengeluarkan wang untuk keperluan umat Islam yang miskin, untuk membangunkan apa-apa kepentingan pada masyarakat serta untuk tabung jihad fisabi lillah. Ertinya bank bukan untuk simpan duit tapi untuk mengeluarkan duit. Bank bukan menjaga kepentingan individu tapi menjaga masyarakat dan agama.

Bila-bila masa saja orang miskin boleh pergi ke banl untuk dapatkan duit, tanpa cagaran atau pinjamar Bila-bila juga negara atau masyarakat perlukan wang bank-bank sentiasa terbuka untuk mengisi keperluan itu.

Masyarakat salafus soleh tidak perlu buat hubungan da] kerjasama ekonomi dengan orang kafir untuk menampung kewangan mereka, apalagi untuk berhutang dan mengadu nasib pada musuh-musuh Allah, tidak berlaku langsun; dalam kehidupan mereka. Maruah umat Islam dan peraturan (undang-undang) Allah lebih mahal dari dui yang diambil dari orang kafir, sebab itu masyaraka salafus soleh berdiri sendiri malah boleh pula memayungi masyarakat lain, melalui sistem ekonomi yang ditunjukkan oleh Islam.

Sebenamya dalam mana-mana masyarakat juga ad; orang kaya dan ada orang miskin. Tidak berlaku rasany; di dunia ini satu masyarakat yang ahlinya semua miskin atau semua kaya-kaya. Sebagaimana tidak ada satu masyarakat yang semua ahlinya cantik, pandai sempuma-sempuma belaka. Selalunya ada yang cantik ada yang hodoh, ada yang pandai, ada bodoh dan ad; yang sempuma, ada yang cacat. Itulah sunnatullab firman-Nya.

ٱللَّهُ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ

Ertinya:

"Allah-lah yang melapangkan rezeki pada siapa yang dikehendaki dan menyempitkannya pada siapa yang dikehendaki" Ar Ra'ad: 26.

Tujuan dijadikan miskin kaya, supaya manusia dapat membina hubungan persaudaraan melalui saling memberi dan menerima antara mereka. Ini barangkali seimbang dengan firman-Nya.

وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓا۟

Ertinya:


"Dijadikan manusia itu bersuku-suku dan berbangsa-bangsa, agar mereka saling mengenal."

- Al Hujurat: 13.

Kalaulah manusia-manusia hanya sebangsa bagaimana lagi kita boleh menyaksikan berbagai ragamnya dunia ini? Atau kalau manusia setaraf semuanya, apa cara lagi untuk kita saling berhubungan?

Jadi tujuan kaya dan miskin adalah untuk yang kaya memberi pada yang miskin. Perintah agar rezeki pemberian Allah (pada orang kaya) itu dibelanjakan terdapat banyak sekali dalam Al Quran malah di awal-awalnya.

الٓمٓ ۝١ ذَٰلِكَ ٱلْكِتَٰبُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى
لِّلْمُتَّقِينَ ۝٢ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱلْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ



Ertinya:

"Kitab ini (Al Quran) tidak ada keraguan padanya dan petunjuk pada orang yang bertaqwa. Zaitu orang yang beriman dengan yang ghaib, yang mendirikan sembahyang dan yang membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Allah kurniakan pada mereka." Al Baqarah: 2 & 3.

Sesudah beriman, sembahyang, orang yang bertaqwa itu membelanjakan rezeki yang Allah kumiakan pada mereka di jalan yang Allah perintahkan. Ertinya, orang yang bersembahyang dan yang beriman itu orang yang pemurah, yang lebih suka member-i dari menerima. Kerana cinta pada Allah, membesarkan akhirat dan saling kasih sayang pada sesama manusia, mereka tidak menyimpan harta tapi membelanjakannya kerana Allah, untuk simpanan akhirat. Demikianlah salafus soleh berpunca dari iman yang kuat, mereka menjadi orang yang suka member-i, sanggup susah kerana orang lain dan menjaga kepentingan masyarakat dan agama lebih dari kepentingan sendiri. Di waktu-waktu ujian kelaparan melanda mereka, semua mereka mahu menjadi orang yang mula-mula kelaparan, kerana menjaga kepentingan saudara yang lain. manakala bila rezeki tiba mereka semua pula rela menjadi orang yang terakhir peroleh kenyang, juga kerana memikirkan keselamatan saudara yang lain.

Bila dikatakan orang kaya suka mmeberi tidak bermakna orang miskinnya gelojoh pula menerima dan meminta-minta. Kerana iman juga orang miskin di zaman

salafus seoleh bersikap redha, sabar dan tenang dalam kemiskinan. Sebab iman mereka menjadikan mereka kaya dalam miskin itu. Sebab mereka yakin dan berharap untuk kaya di akhirat. Kerana itu sebahagian mereka sengaja menempah miskin sekalipun peluang untuk kaya itu terbuka. Dengan manusia-manusia yang berhati begitu, kerajaan salafus soleh tidak payah minta sedekah dengan orang kafir untuk membangun, mentadbir negara dan masyarakat mereka. Malah keutuhan ekonomi mereka memaksa orang kafir sezaman untuk menyandar nasib pada orang Islam. Orang Islam salafus soleh menjadi tuan pada manusia-manusia lain seluruh dunia waktu itu. Dan martabat setinggi itu adalah datang dari kekuatan yang bersumberkan iman dan ibadah yang sungguh-sungguh pada Allah S.W.T

iii. Kaum wanita.

Wanita salafus soleh jauh bezanya dengan wanita abad 20 ini. Bermula dari aqidah yang kuat maka tindakan serta sikap hidup mereka juga selari dengan syariat Islam. Wanita salafus soleh lebih cintakan akhirat dari dunia dan mentaati Allah dan Rasul lebih dari taatkan undang-undang selain itu. Atas dasar itu wanita-wanita salafus soleh lebih suka berkhidmat mencari keredhaan Allah daripada mencari keuntungan duniawi. Mereka sanggup mengurung diri di rumah, berkhidmat pada suami dan anak-anak di samping ibadah yang mendekatkan diri dengan Allah S.W.T. Bukan mereka tidak tahu atau tidak mampu bergelanggang di luar rumah tapi kerana Allah dan Rasul memerintahkan mereka sentiasa di rumah, maka mereka taat dan patuh. Mereka tidak fikir panjang untuk mentaati Allah dan Rasul. Untung atau rugi dipulangkan saja pada Allah. Iman mercka mengajak mereka untuk mengutamakan kehendak Allah dari kehendak-kehendak



diri dan orang lain. Iman mereka menjadikan mereka merasa berkhidmat pada , suami dan anak-anak itu lebih utama daripada berkhidmat pada selainnya. Iman mereka membuatkan mereka memandang pahala lebih mahal dari Wang dan harta dunia. \

Kalaulah semua tenaga dan kebolehan manusia lelaki atau wanita diarahkan untuk tugas-tugas kemasyarakatan (di luar rumah), hingga memandang kecil pada tugas-tugas keibuan dan rumahtangga, untuk apa perkahwinan digalakkan malah pergaulan bebas seakan diperjuangkan? Apakah perkahwinan hanya bermaksud untuk menghalalkan seks dan tidak ada kepentingan apa-apa selain itu? Barangkali untuk umat Islam hari ini jawapannya memang ya! Tapi tidak untuk masyarakat salafus soleh. Perkahwinan pada mereka bukan setakat melepas ketegangan nafsu tapi lebih penting dari itu ialah untuk menjunjung dan melaksanakan **Sunnah** Rasulullah S.A.W.

Bila Islam suruh kahwin bukan setakat untuk selesaikan masalah nafsu suami isteri tapi Islam menyuruh mengambil tugas melahir dan mendidik anak-anak. Malah kemahuan seks itu sendiri hanya "alat" dalam proses meramaikan umat di bumi itu. Jadi memikirkan perkahwinan sekaligus memikirkan anak-anak; keperluan, kasih sayang, pendidikan dan nasibnya dunia dan akhirat. Tugas ini berat dan mesti dihadapi sungguh-sungguh dan penuh bijaksana. Inilah tugas ibu (wanita). Bukan tugas orang gaji. Allah S.W.T kerana menggalakkan ibu bersungguh-sungguh dalam tugas ini telah menjanjikan pahala yang cukup besar pada usaha-usaha menjaga dan mendidik anak-anak. Berkahwin juga bukan setakat berkawan. Tapi adalah membina dan menghubungkan ikatan jiwa yang abadi dunia dan akhirat. Untuk itu tidaklah dengan mudah

dapat dilaksanakan. Isteri punya kerja dan tugas yang banyak dan berat dalarn ha1 ini. Sebab itu si isteri disuruh sepenuh masa dalam tugas-tugas sebagai isteri. Dan pahala untuk tugas ini sama besamya dengan pahala suami yang berjuang di luar rumah. Demikian pandangan Islam.

Wanita salafus soleh kerana faham dan yakin dengan Allah dan Rasul, maka mereka gigih perjuangkan tugas-tugas mereka itu. Mereka menentang keras gerakan membebaskan wanita dari tugas asasi mereka itu. Kalau pun kerja di luar dapat bayaran (upah) tinggi tapi itu tidak ada nilai di sisi Allah. Untuk apa dikorbankan hidup untuk sesuatu yang akan ditingalkan malah yang akan membebankan kehidupan di akhirat?

iv. Masyarakat salafus soleh sangat memikirkan kepentingan bersama umat Islam. Di zaman mereka, di mana-mana tempat di siapkan rumah musafir dan perigi musafir yang diwakafkan oleh orang-orang yang mampu. Jadi, waktu itu tidak ada musafir yang terbiar. Mereka sentiasa jadi tetamu di mana saja mereka sampai.

Demikianlah Islam dan umatnya member-i keselamatan pada manusia, khusus pada sesama Islam. Tidak berlaku dalam masyarakat Islam penganiayaan terhadap manusia lain. Sebaliknya di mana-mana juga masyarakat Islam membela dan memberi kemudahan pada saudara se-Islam yang lain.

Itulab sebahagian gambaran kehidupan masyarakat salafus soleh. Masyarakat didikan Rasulullah dan para sahabat. Masyarakat yang cinta Allah dan membesarkan akhirat dari dunia. Dengan hati yang sufi (bersih dari segala mazmumah) terbinalah satu sistem masyarakat dan

negara yang benar-benar aman dan makmur. firman Allah.

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Ertinya:

"Negara yang aman makmur yang mendapat keampunan Allah."

Sistem politik, ekonomi, sosial, pendidikan, perubatan, perhubungan dan semuanya bersih dari segala bentuk mungkar dan maksiat. Asas atau dasar bagi semua sistem ini ialah iman yang kuat. Masyarakat salafus soleh tidak memulakan masyarakat berdasarkan ekonomi yang teguh atau politik atau ibadah atau pendidikan dan tidak apa-apa juga selain iman yang ditanamkan dalam hati setiap ahli masyarakat. Dengan iman akan lahirlah segala akhlak dan kehidupan yang telah disenaraikan di atas.

7
PERANAN ULAMAK

ULAMA samada rasmi atau tidak (ulama kerajaan atau bukan) adalah penyambung lidah Rasulullah S.A.W untuk mendidik dan memimpin umat kepada kehidupan yang selamat dunia dan akhirat. Dengan kata lain, ulama adalah penasihat umat untuk menyelesaikan masalah-masalah masyarakat, samada politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain menurut kaedah Al Quran dan Sunnah. Ulama juga umpama obor yang sanggup membakar diri demi menerangi umat dengan cahaya Ilahi. Demikianlah peranan ulama dalam masyarakat. Golongan manusia yang dilahirkan di tengah manusia untuk mengajak manusia lain melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Inilah harapan Allah melalui firman-Nya:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ

وَأُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ

Ertinya:

"hendaklah ada di kalangan kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, merekalah orang-orang yang dapat kemenangan."

Ali Imran: 104.

Allah kata segolongan saja, bukan semua. Sebab hanya ulama yang tahu nilai-nilai kebaikan dan kejahatan. Ciri penting bagi seorang ulama ialah sifatnya yang menagjak manusia kepada kebaikan serta mencegah dari mungkar. Sifat ini bukanlah didorong oleh apa-apa kepentingan tapi ialah kerana iman dan taqwanya pada Allah S.W.T. Mereka menyeru, mendidik, memimpin dan menasihat manusia agar cintakan Allah yakni satu-satunya zat yang menghidup serta melimpahkan nikmat tanpa henti-hentinya pada manusia.

Kebaikan Allah itu boleh dilihat pada cerita yang berlaku pada Nabi Ibrahim A.S. Suatu malam datang seorang pendita Majusi ke pintu rumah Nabi Ibrahim dan meminta izin untuk tumpang bermalam. Nabi Allah itu bertanya, “Apa agama engkau?”

“Majusi,” jawab lelaki itu.

Maka berkatalah Nabi Ibrahim. “Engkau boleh bermalam di sini dengan syarat engkau masuk Islam.” Majusi itu tidak boleh terima syarat itu, maka pergilah dia dari situ.

Tiba-tiba Allah S.W.T mewahyukan pada Nabi Ibrahim

dengan firman-Nya:

Kenapa engkau tidak mengizinkan dia bermalam cuma untuk satu malam, hanya kerana dia Majusi padahal Aku telah menghidup dan merezekikannya selama 70 tahun walaupun dia menderhakai Aku.

Nabi Ibrahim lantas memburu Majusi tadi dan meminta agar bermalam di rumahnya. Dengan hairan Majusi itu pun bertanya, "Apa 'yang telah mengubah fikiran engkau?"

Nabi Ibrahim pun menceritakan perihal firman Allah tadi. Bila Majusi mendengar kata-kata Allah itu terasalah olehnya baiknya Tuhan Rabbul 'Alamin dan benamya agama Ibrahim. Dia pun mengikut Nabi Ibrahim, bertanya tentang agama Islam dan akhimya memeluk Islam.

Sesudah cintakan Allah, manusia diseru agat takut pada neraka Allah, yakni penjara di akhirat, tempat tinggal orang-orang yang berdosa. Api yang terdapat di dalam neraka kalau bunganya saja yang jatuh ke bumi, nescaya habis hangus dunia ini. Begitulah dahsyatnya neraka. Kalau begitu masakan masih berani untuk buat dosa?

Seterusnya manusia dididik untuk merindui kehidupan syurga akhirat. Sekuntum bunga syurga kalau dibawa ke dunia akan mengharumkan seluruh dunia. Alangkah nikmatnya. Siapakah yang tidak teringinkan kelazatan di sana?

Dengan menanamkan keyakinan-keyakinan tadi, para ulama akan bawa manusia jadi orang-orang yang suka kepada kebaikan (amal soleh) dan benci pada kejahatan (amal toleh). Jadi anak yang berbakti, jadi isteri yang solehah, jadi pengikut yang taat, jadi pekerja yang jujur,

jadi pemimpin yang bertanggungjawab, jadi rakyat yang setia. Semua itu hanya boleh dibina dan dikekalkan dengan adanya keyakinan-keyakinan tadi. Kalau tidak, manusia walau bagaimana bijak pun tidak dapat mengawal diri buat jahat. Hatta pengawal keselamatan pun tidak dapat kawal diri dari rasuah, tipu dan lain-lain. Sebab kalau manusia tidak terasa diperhati oleh Allah, dia tidak takut untuk kelentong. Kalau setakat takut akta atau takutkan polis atau takutkan boss, maka di tempat-tempat yang selamat dari semua itu dia buat juga salah. Tapi kalau takut Allah, sedang Allah nampak di mana saja kita berada, maka manusia terhalang dari membuat kerosakan di bumi.

Itulah pandangan Islam. Dan konsep inilah yang mesti diperjuangkan oleh ulama. Bila terjadi krisis ulama tidak akan berdiam diri. Mereka tidak akan tergamak untuk membiarkan masyarakat berada dalam kacau bilau dan huru-hara dalam fitnah dan pembohongan. Mereka akan bertindak jadi orang tengah kerana Allah, bukan kerana kepentingan apa-apa. Mereka akan cuba sedaya upaya untuk damaikan puak yang bergaduh. Ini adalah atas kehendak Allah S.W.T jua. Firman-Nya:

لَّا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَىٰهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ
بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَٰحٍ بَيْنَ ٱلنَّاسِ ۚ
وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ ٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِ ٱللَّهِ
فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ۚ

Ertinya:

('Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan dari orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat makruf atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Dan barangsiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah maka kelak Kami memberi kepadanya pahala yang besar." An Nisa: 114.

Tugas mendamaikan manusia adalah tugas besar dan berat. Ini hanya dapat dibuat oleh ulama yang benar-benar berwibawa, iaitu seorang yang bertaqwa, warak, zuhud, berakhlak, berilmu, bijaksana, lemah lembut dan lain-lain. Bukan seorang ulama yang jual akhirat untuk dunia, yang buat kerja kerana elaun dan milles yang kena perut dikempiskan, kena mata dipicingkan. Ulama yang kalau kena diri dan keluarga sendiri didiamkan, tapi kalau kena orang lain, apalagi orang yang tidak disenangi, dipukul habis-habisan. Yakni ulama yang ada prinsip. Bukan seperti sesumpah, yang berubah ikut suasana. Dengan orang besar berlagak macam orang besar. Dengan orang awam berlagak macam itu pula. Sebab hanya ulama yang benaqwa akan ditolong oleh Allah. Jika tidak akan berlakulah seperti apa yang disabdakan oleh Rasulullah kepada Sayidina Ali maksudnya:

"'Hai Ali, jika orang alim tidak bertaqwa jadilah cakapnya kepada hati manusia umpama air hujan yang jatuh ke atas batu yang licin atau ke atas telur burung kasawari (yakni tidak berkesan)."

Menasihati manusia mestilah dengan hikmah. Sedang sifat hikmah ini juga tidak akan diperolehi kecuali ulama

yang bertaqwa. Kita lihat satu kisah bagaimana nasihat yang tidak hikmah bukan saja tidak diterima tapi boleh menjatuhkan tukang nasihat itu sendiri. Di zaman pemerintahan Sultan Makmun, ada seorang rakyat menemuinya lantas menegur dengan kasar sekali. Maka Makmun dengan lemah lembut berkata:

"Saudara, tidak bolehkah saudara berlemah lembut sedangkan telah datang seorang yang lebih baik dari saudara kepada seorang yang lebih jahat dari saya (Firaun) itu pun dia (Nabi Musa) tetap berlemah lembut."

Ertinya Makmun pula yang menasihati orang itu supaya berhikmah dalam memberi nasihat. Kalau begitu saya kira bukan saja Makmun tidak mendapat apa-apa dari nasihat itu malah sejak itu mungkin hilang kepercayaannya pada orang itu.

mari kita ambil beberapa contoh bagaimana Rasulullah mendidik umat agar meninggalkan pertengkaran dan krisis. Sabda baginda yang bermaksud:

> *‘‘Barangsiapa meninggalkan pertengkaran sedang ia bersalah akan dibina baginya sebuah rumah daiam halaman syurga. Dan barangsiapa meninggalkan pertengkaran sedang ia di pihak benar (tidak bersalah) akan dibina baginya sebuah rumah di tempat tertinggi dalam syurga."*

Rasulullah S.A.W bersabda:

أشدكم من غلب نفسه عند الغضب وأحلمكم من
عفا عند القدرة .

Ertinya:

"Orang yang paling gagah di antara kamu, ialah orang yang dapat mengalahkan nafsunya semasa marah. Dan orang yang paling penyantun pula ialah orang yang memberikan maaf, sedangkan ia berkuasa untuk membalas.

Baginda Rasul bersabda lagi:


أفضل أخلاق أهل الدنيا والآخرة تصل
من قطعك وتعطي حرمك وتعفو عمّن ظلمك

Ertinya:

"Setinggi-tinggi akhlak ahli dunia dan akhirat ialah agar anda menyambung perhubungan orang yang telah memutuskan perhubungan dengan anda. Anda memberikan sesuatu kepada orang yang menahan sesuatu dari anda. Anda memaafkan orang yang menganiaya anda."

Seterusnya baginda bersabda:

التواضع لا يزيد العبد إلّا رفعة فتواضعوا
يرفعكم الله والعفو لا يزيد العبد إلا عزّا فاعفوا
يعزكم الله والصدقة لا يزيد المال إلا كثرة
فتصدّقوا يرحمكم الله .



Ertinya:

'Merendah diri tiada menambahkan seseorang hamba itu melainkan ketinggian. Maka hendaklah kamu merendah diri, moga-moga Allah akan meninggikan darjatmu. Dan memberi maaf pula tiada menambahkan seseorang hamba melainkan kemuliaan, maka hendaklah kamu memaafkan moga-moga Allah akan memuliakan dirimu. Dan sedekah itu tiada akan menjadikan harta itu melainkan bertambah-tambah maka bersedekahlah kamu agar Allah akan merahmati kamu."

Dengan kata-kata ini, orang-orang yang berkrisis samada pihak yang bersalah ataupun yang benar akan berlumba-lumba untuk tidak menyambung lagi krisis. Dengan cara ini tidak ada pihak yang tersinggung, yang kecil hati atau berdendam dan lain-lam, Inilah yang dikatakan nasihat. Yakni kata-kata yang boleh melembutkan hati yang keras, menyejukkan rasa yang panas serta meredakan fikiran yang tegang. Yang dengannya manusia akan bermaaf-maafan, berbaik sangka, dan selamat dari krisis dan berdendam. Bukanlah ulama namanya kalau suka ambil kesempatan, yakni bila manusia berkrisis dia cuba naikkan dirinya. Atau suka mengkritik kalau ada orang bersalah. Suka mengampu orang-orang yang berkedudukan. Dan lebih-lebih lagi bukan watak ulama kalau masih menampakkan keghairahan pada kuasa dan jawatan lebih daripada keinginan membetulkan kesilapan dan kemungkaran.

Imam-imam Shafie, Hanafi, Hambali dan Malik serta Imam Ghazali misalnya ketika berhadapan dengan kemungkaran para pemerintah sezaman, tidak bertindak boikot serta jatuhkan pemerintah atau hina-hinakan di

depan umum. Dalam sejarah hidup mereka, mereka bukan jadi ketua negara. Tapi adanya mereka rakyat negara itu terdidik dan terpimpin kepada kebaikan. Hatta raja pun belajar dan ikut kata mereka.

Cuba lihat satu kisah seorang ulama yang benar lagi bertanggungjawab. Seorang Wazir iaitu Nizam Al Muluk (نظام الملوك) diperintah menggunakan wang yang banyak untuk tentera merebut Constantinople. Raja Malik Syah memanggilnya dan bertanya, jawabnya, "Saya telah menyediakan untuk tuanku suatu tentera yang disebut tentera malam. Apabila tentera bersenjata telah tidur merekalah yang menjadi tentera tuanku. Mendoa di hadapan Tuhannya dengan airmata mengalir dan lidah yang terus menems memuji dan memohon supaya tuanku dan negeri ini berada dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah S.W.T. Dan agar rezeki diturunkan Allah dengan baik."

Apa lagi kalau ketua negara itu Islam dan bersembahyang, maka kita pengikut Syafie hendaklah mengambil sikap menegur kesilapannya bukan menumbangkannya atau menjatuhkannya. Belum pemah berlaku dalam sejarah bahawa kritikan, penghinaan, kata-kata kasar serta penentangan dari seseorang **pada** seseorang yang lain atau dari satu puak pada puak yang lain telah membawa kesan yang positif pada masyarakat. Bukan saja dengan ketua kita, malah dengan kanak-kanak sahaja kalau kita berkasar, dia tidak boleh terima. Mungkin dia akan berkasar balik atau paling tidak dia akan benci dan dendam pada kita. Sebab itu rasulullah banyak sekali menunjukkan sikap lemah lembut dan akhlak baik ketika berhadapan dengan manusia, sekalipun musuh.

Abu Sufian peluk Islam adalah kerana malunya pada Rasulullah yang telah memuliakannya di depan kafir Quraisy. Walaupun waktu itu dia masih kafir, yakni sesudah penawanan Kota Makkah oleh umat Islam. Kata Rasulullah, "Siapa masuk ke rumah Abu Sufian dia selamat. Begitu baginda memuliakan 'dan menawan hati Abu Sufian. Demikianlah Sunnah. Hingga baginda pemah bersabda:

أحسن إلى من أساء إليك

Ertinya:

buat baiklah pada orang yang buat jahat pada kamu."

Nasihat yang baik hendaklah dilakukan dengan cara yang baik pula. Sebaik-baik cara ialah berdepan secara empat mata, maknanya tidak ada orang lain di situ. Kalau tidak boleh begitu, tulislah surat tertutup atau melalui telefon. Ini adalah bertujuan supaya tidak memalukan orang yang hendak ditegur. Kalau kita rasa kata-kata kita kurang bcrkesan, kita cari seorang yang dipercayai dan cakapnya diterima untuk menyampaikan nasihat itu.

Jangan gunakan suratkhabar, radio, t.v atau apa-apa mass-media umum untuk beri nasihat pada seseorang atau satu kumpulan. Walau emas, sekalipun nilai nasihat itu tapi kalau berbentuk pendedahan, ianya tetap tidak boleh diterima baik oleh pihak yang berkenaan. Menasihati orang di depan umum bererti memberitahu umum bahawa orang itu bersalah. Dan cara ini akan memungkinkan si bersalah memulangkan kesalahan itu pada juru nasihat. Dan ini bukan menyelesaikan masalah tapi merumitkan

lagi keadaan. Cara ini menambahkan keinginan mencari publisiti lebih daripada membcri nasihat. Lebih-lebih lagi ulama jangan jadi penghasut umat supaya memihak pada mana-mana puak yang berkrisis. Sikap ini boleh menimbulkan huru-hara dan pecah belah yang lebih serius.

Ulama adalah orang yang bekerja bagi pihak Allah dan Rasul. Mereka tidak tuntut apa-apa jawatan dan bayaran dari usaha mereka sebab. mereka cukup dengan rezeki yang Allah janjikan di dunia dan di akhirat. Inilah yang diucapkan oleh setiap Rasul:

لا أسئلكم من أجر إن أجري إلا على الله

Ertinya:

"Aku tidak minta kepada kamu sebarang upahan, tiada upah aku melainkan dari Allah."

Kerana itu ulama adalah manusia paling merdeka dan bebas, tidak diikat oleh sesiapa, tidak dapat dibeli dan dijual oleh manusia. Sebab itu mereka adalah orang yang berani memperkatakan kebenaran dan bertanggungjawab tanpa niat mcnjatuh atau menghina peribadi sesiapa pun atau sesuatu kumpulan. Tidak takut hilang gaji, hilang kedudukan, hilang kepentingan, hilang pengikut atau hilang nama. Sebab, bukan kuasa dan harta yang mereka inginkan dari usaha itu tapi ialah mencari keredhaan Allah S. W.T semata-mata.

Kalaulah ulama dapat berperanan seperti apa yang disenaraikan tadi, Insya Allah umat Islam dapat dibentuk menjadi umat yang berakhlak. Krisis walaupun tidak dapat dielak tapi tidak berpanjangan. Inilah ulama yang

benar jadi obor pada masyarakat. Pendorong manusia bersyukur ketika berhadapan dengan nikmat. penasihat agar bersabar ketika bcrhadapan dengan ujian. Memberi panduan pada umat ketika mereka krisis dan berbalah agar berpegang pada Allah dan Rasul. Kalau tidak, akan berlakulah sebaliknya, umat tidak bermoral, krisis dan perpecahan bermaharajalela, kemungkaran menjadi-jadi maka rosaklah umat. Kerana itu Rasulullah S.A.W bersabda:

صنفان من الناس اذا صلحا صلح الناس
واذا فسدا فسد الناس العلماء والامراء

Ertinya:

"Ada dua golongan manusia, jika baik keduanya, baiklah manusia dan apabila keduanya rosak, rosaklah manusia iaitu para ulama dan para pemimpin."

8.
TANGGUNGJAWAB PENGIKUT

KRISIS yang banyak berlaku akhir-akhir ini adalah antara para pengikut dengan pemimpin sesuatu pertubuhan. Yakni antara pemimpin-pemimpin kanan dengan pucuk pimpinan. Manakala ahli-ahli biasa dilibatkan sama untuk mengkucar-kacirkan lagi keadaan. Kebanyakan pemimpin bawahan itu tidak puas hati dengan pemimpin utama mereka, kemudian massing-masing bertindak untuk mengambil alih kerusi pucuk pimpinan. Maka terjadilah apa yang dinamakan perebutan kuasa samada secara tents terang ataupun samar-samar.

Bersabda Rasulullah S.A.W bermaksud:

"Tidak ada satu masa yang datang kemudian melainkan lebih buruk dari sebelumnya."

Amaran dari kata-kata Rasulullah ini ialah janganlah seseorang pengikut merasa dia boleh buat lebih baik daripada apa yang dibuat oleh pemimpinnya. Sesuatu

pertubuhan hanya akan gemilang di zaman pengasasnya. Bila pengasasnya' tiada, bermulalah zaman kemunduran dan kematian, 'bagi jemaah itu. Inilah kata sejarah. Kepimpinan sesudah Rasulullah adalah lemah dan makin lemah daripada awal hinggalah berakhimya dengan kemunduran dan kejatuhan umat. Bangun pula satu angkatan dari satu generasi menghidupkannya kembali. Agak gagah di peringkat awal, di tangan pengasasnya tapi kian malap dan tents lenyap di tangan-tangan pengganti-nya.

Kita sama-sama menyaksikan apa yang berlaku pada jemaah Ikhwan Muslimin. Kecemerlangannya terasa benar waktu jemaah itu dipimpin oleh pengasasnya Imam Hassan Al Bar-ma. Tapi sesudah kematiannya, jemaah Ikhwan Muslimin jadi seperti anak ayam kehilangan ibu, malah lebih teruk dari itu. Menyorok sana menyorok sini. Tentang misalan-misalan lain, anda pembaca boleh lihat sendiri ke dalam pertubuhan-pertubuhan mana juga yang sudah silih berganti pemimpinnnya. Adakah ada satu perkumpulan yang orang kemudian boleh buat lebih baik dan berjaya dari pengasasnya?

Dalam UMNO, kita lihat kurang krisis di zaman awalnya dibandingkan dengan sekarang. PAS di bawah Dr. Burhanuddin Helmi lebih baik dari pemimpin sesudahnya. Kalaupun secara peribadi seseorang yang kemudian itu katalah lebih baik dari yang pertama tapi selalunya pembantu-pembantunya tidak dapat menjadi sebaiknya. Walhal bukan dia seorang yang boleh menjalankan semua kerja, jadi kalau pembantu lembab maka itu akan melembabkan perjalanan pentadbiran pertubuhan itu sendiri. Kalau begitu, saya bcrpendapat, tidak ada sebab mengapa untuk membaiki sesebuah

pertubuhan, kita kena tumbangkan pemimpin yang ada. Apa jaminan bahawa yang akan naik nanti boleh buat lebih baik dari yang sebelumnya?

Kalau betul hendak betulkan kelemahan dalam pertubuhan itu, tidak bolehkah dengan menegur, mengingat, menunjuk dan beri kerjasama dengan pucuk pimpinan tanpa menjatuhkannya. Inilah tindakan yang mulia, jujur dan ikhlas. baru orang nampak benamya hasrat kita untuk menjaga parti lebih dari keinginan jadi ketua parti.

Lagipun dengan menubuhkan kern untuk menjatuhkan seseorang pemimpin, kita sebenamya membina jurang dalam masyarakat yang akan menghasilkan perpecahan, pergaduhan serta huru-hara di kalangan umat. Sebab, bila dua orang yang masing-masing ada pengikut berkrisis maka pengikut yang di belakang mereka akan turut berkrisis. Kadang-kadang ketuanya tidak seberapa sangat, tapi pengikut yang berlebih-lebihan sampai bertekak, bertumbuk, bergaduh malah berbunuh-bunuhan hatta berperangan sesamanya.

Orang Islam yang beriman telah diberi panduan oleh Allah S.W.T dalam menyelesaikan masalah kepimpinan. Firman Allah dalam Al Quran:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ
وَأُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ

Ertinya:

"Wahai orang beriman, taatlah kamu pada Allah dan taatlah pada Raw1 serta pemimpin kamu..."

An Nisa: 59.

Para ulama mentafsirkan ketaatan pada pemimpin hendaklah dibuat dalam keadaan ia (pemimpin) tetap mentaati Allah dan Rasul. Kalau ada perintah pemimpin yang bercanggah dengan Al Quran dan Sunnah maka tidak wajib lagi taat. Kenyataan ini bukan memberi maksud bahawa bila pemimpin menyeleweng dari landasan kebenaran, hendaklah pengikut menumbangkan orang-orang untuk diganti dengan pemimpin lain. Juga tidak bermaksud bahawa bila seseorang pemimpin tersilap atau engkar pada Allah dalam satu urusan atau perkara, maka hendaklah dipulaukan dia walaupun terhadap kebaikan-kebaikan lain yang masih dilakukannya.

Yang sebenamya, kita tidak wajib taat hanya dalam perkara yang bercanggah dengan hukum Allah, bukannya dalam semua perkara yang dibuatnya yang masih mentaati Allah dan Rasul. Selagi dia orang Islam yang beriman dan bersembahyang, kesilapannya ditegur, kebaikannya diakui, diikut dan ditaati. Bukan kesalahannya dihina-hina sebagai modal untuk menumbangkan kepimpinannya. Cuba tengok sekali lagi, apa kata Raja Maamun terhadap rakyatnya yang menegur beliau dengan kasar:-

"Tidak bolehkah kamu berlemah lembut? Telah datang seorang yang lebih baik dari kamu (Nabi Musa) kepada seorang yang lebih jahat dari aku (Firaun), itu pun Nabi Musa tetap berlemah lembut. Ini dinukilkan dalam Al Quran:

اذْهَبَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ ۝ فَقُولَا لَهُۥ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُۥ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Ertinya:

"Pergilah kamu berdua (hai Muss dan Harun) kepada Firaun, sesungguhnya dia telah derhaka. Hendaklah kamu berkata dengan lemah-lembut moga-moga dia ambil peringatan atau dia takut."

Thaha: 44.

Mana ada dalam zaman ini seorang yang terjamin tidak akan buat kesilapan dan selamat dari maksiat? Kalau tidak ada, apa maknanya kita tumbangkan seseorang untuk diganti oleh orang lain, yang akan mengulangi kesilapan, cuma bentuknya yang berbeza? Bukankah lebih baik kita kekaLkan yang asal dengan melakukan pembetulan-pembetulan pada kelemahan dan kesilapannya.

Kerana dengan cara itu kita termasuk orang yang membela (nama dan status) parti atau harakah kita, serta mementing dan memperjuangkan keamanan dan keselamatan ahlinya. Dan ini adalah jauh lebii baik dari bertindak menjatuhkannya. Sebab tidak akan ada seorang pun manusia sekalipun kanak-kanak yang dengan mudah mahu menyerahkan haknya pada musuh. Malah kalau sudah terlepas pun pasti dia berusaha untuk mendapatkannya kembali. Maka bila seseorang membuat keputusan untuk mengambil alih kuasa yang pada seseorang maka ia sebenamya sedang merangka satu bentuk sengketa yang tidak habis-habis. Apakah cara ini



lebii baik dari kita bersikap lemah lembut dan bersabar, menasihati atau menegur mereka, sehingga perubahan dibuat tanpa sebarang sengketa dan huru-hara?

Sebenamya bukan pemimpin itu yang minta dia ditaati, Dalam Islam, perintah taat pada peniimpin datangnya dari Allah S.W.T. Maknanya kalau kita engkar, maka kita akan berdosa dengan Allah S.W.T. Jadi seseorang yang dengan suka rela (bukan terpaksa) masuk jadi ahli sesuatu pertubuhan mestilah berikrar untuk mentaati pemimpin. Kalau rasanya tidak boleh taat lebih baik jangan jadi ahli. Sebab sudahlah kita tidak akan bahagia di dunia, kerana berada di bawah pemimpin yang kita tidak setuju di akhirat nanti, keahlian dan ketaatan kita akan dipersoalkan. Buat apa kita menyusahkan diri sekian lama? Lebih baik kalau kita tidak senang dengan pemimpin, kita tarik diri. Bina pertubuhan lain dan buktikan bahawa kita boleh buat apa yang kita katakan dan tentunya lebih baik dari bekas pemimpin kita tadi. Dan kaedah ini tentu lebih bijak dan gagah daripada sikap duduk serumah tapi tikam kawan dan bakar rumah kerana hendak tunjuk hebat dan ingin naik.

Walau bagaimanapun sejarah telah membuktikan berapa banyak ahli yang telah keluar dari sesebuah jemaah atau pertubuhan dengan tujuan untuk membangunkan jemaah sendiri dan katanya lebih baik daripada jemaah yang ditinggalkannya. Waktu dia keluar itu dia hina dan burukkan habis-habisan terhadap jemaah dan ketua jemaah yang ditinggalkannya. Tapi apa yang telah terjadi bukan sahaja gagal membangunkan sebuah jemaah yang lebih baik bahkan namanya pun hilang, tidak disebut-sebut orang lagi.

Kalau begitu, seseorang yang rasa tidak senang dengan sesebualr jemaah yang pemah dia menjadi ahlinya, hendaklah dia bersabar dengan cara dia membetulkannya dengan bijaksana atau jika tidak boleh, dia doakan jemaah itu atau. pemimpinnya agar dipimpin oleh Allah. Itu lebih baik dari tidak mempunyai jemaah. Selemah-lemah jemaah itu adalah lebih baik dari seorang diri yang kuat.

memang ada keterangan hadis yang menyatakan kalau tidak ada sesebuah jemaah yang hak biarlah kita ber-B&din. hadis itu memberitahu kepada kita, jemaah-jemaah yang ada di depan kita itu semuanya sesat belaka bukan sekadar cacat tetapi masih boleh dimaalkan. Tapi benarkah kita bertindak tidak masuk jemaah itu? Telah ijmak semua ulama di masa itu telah memberi hukum sesat, bukan hanya pendapat kita saja. Ataupun kita yakin kita yang keluar itu tidak sesat atau lebih baik daripada orang atau jemaah yang ada.

PENUTUP

ALLAH S. W.T berfiman:

ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ
عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٌ

Ertinya:

"...tolaklah kejahatan itu dengan cara sebaik-baiknya sehingga orang yang bermusuhan antaramu dengannya akan menjadi seorang kawan yang setia...

Fushshilat: 34

وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَمَا يُلَقَّىٰهَآ
إِلَّا ذُو حَظٍّ عَظِيمٍ

Ertinya:

"sifat-sifat yang baik itu tidak dianugerahkan melainkan kepada orang-orang yang sabar dan tidak dianugerahkan melainkan kepada orang-orang yang mempunyai keberuntungan yang besar."

Al Fushshilat: 35

Dalam mentafsirkan ayat itu, Annas bin Malik berkata, "Itulah orang yang bila dicaci maki oleh saudaranya, lalu ia berkata: Andaikata anda telah berdusta dalam caci makimu itu, maka mudah-mudahan Allah mengampuni anda. Tapi jika anda benar dalam ucapanmu, maka mudah-mudahan Allah mengampuni saya."

Demikianlah Islam menunjuk jalan penyelesaian terhadap sesuatu krisis. Bahawa bila ada orang yang cuba memperkecil-kecilkan kita, maka tindakan sebaiknya ialah kita jangan layan. Cmna kalau orang itu mencabar Islam, memperkecil-kecilkan hak Allah atau Jamaah Islam maka waktu itu sikap kita ialah mempertahan habis-habisan. Jangan sampai usaha jahat itu berjaya mencapai matlamatnya.

Sebagai contoh bagi tindakan ini kita lihat sikap Sayidina Ali. Demi mempertahankan Islam, bcliau telah dapat menumbangkan seorang kafir Quraisy hingga nyaris-nyaris dibunuhnya. Tapi ketika si kafir meludah mukanya, Sayidina Ali terus melepaskan musuh Allah itu. Ditanya orang kenapa beliau buat begitu. Jawabnya: "Bila, dia meludah aku, aku rasa marah. Jadi aku takut kalau aku bunuh dia kerana marah bukan lagi kerana Allah. Sebab itu aku lepaskan dia." jelas sekali, bahawa perjuangan Sayidina Ali tidak sedikit pun kerana kepentingan dan

pertahanan diri sendiri. Sebaliknya ialah untuk Allah semata-mata.

Sesiapa juga yang mengaku beriman tentu tidak teragak-agak untuk menerima petunjuk ini sebagai satu kebenaran yang mesti diamalkan. Sekalipun lahimya sikap ini macam merugikan tapi sebenamya tidak. Di sisi Allah sifat-sifat baik ini adalah bukti taqwa. Dan bila terbukti seseorang itu telah bertaqwa, maka akan berlaku jarji Allah:

وَٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلْمُتَّقِينَ

Ertinya:

'Sesungguhnya Allah adalah pembela orang-orang yang bertaqwa."

Al Jaathiah: 19

Dan firman-Nya lagi:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ
مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Ertinya:

"'Dan barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah maka Allah akan melepaskannya dan' kesusahan hidup dan memberinya rezeki dari sumber yang tidak diduga."

At Talaaq 2 & 3.

Seseorang yang mendapat pembelaan dari Allah dan mendapat rezeki dari Allah pasti tidak akan dapat dilemahkan oleh mana-mana juga makhluk. Ini adalah satu hakikat. Setiap Mukmin tidak boleh ragu tentang hakikat ini. Tapi inilah yang dilupakan orang hari ini, lupa bahawa kuasa Allah lebii gagah dari sebarang kuasa lain di dunia. Lupa bahawa bila Allah bertindak, maka tiada siapa boleh menolak takdir-Nya. Sebab itu manusia hari ini sanggup lakukan apa saja dosa dan maksiat untuk kepentingan diri dan duniawi untuk harta, nama, jawatan dan publisiti.

Mereka lupa bahawa bila mereka melakukan dosa, Allah akan murka dan bila Allah murka, macam-macam bala boleh menimpa. Ini bukanlah suatu dongeng atau omong kosong. Depan mata kita telah saksikan bagaimana orang yang sewenang-wenang di bumi Allah jatuh tertiarap, tersungkur dan dilupakan orang. Ini bukan kebetulan tapi adalah ketentuan dari Allah. Allah menegaskan dengan firman-Nya:

فَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا وَهِيَ ظَالِمَةٌ
فَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَبِئْرٍ مُّعَطَّلَةٍ
وَقَصْرٍ مَّشِيدٍ

Ertinya:

"Berapalah banyaknya kota yang Kami telah membinasakannya, yang penduduknya dalam keadaan zalim. Maka (tembok-tembok) kota itu roboh menutup atap-atapnya dan (berapa banyak pula) perigi yang telah ditinggalkan dan istana yang tinggi." Al Hajj: 45.